

قَتِيقَن تِيَتَه

PETIKAN TITAH

"DENGAN turunnya Al-Qur'an, manusia menjadi beriman, iaitu suatu nikmat yang tidak ternilai harganya. Kerana imanlah semua rahsia dan semua jalan kebajikan terbuka untuk dilalui. Inilah namanya cahaya, iaitu iman yang berpunca daripada Al-Qur'an."

- Titah pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1424 Hijriah pada 17 Ramadan 1424 Masihi / 11 November 2003.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسن ايمان

MANISNYA IMAN

"MASA yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah bulan Ramadan yang diturunkan padanya Al-Qur'an, sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah.

Oleh itu, sesiapa di antara kamu yang berada dalam bulan itu dan menyaksikan anak bulan Ramadan atau mengetahuinya maka hendaklah dia berpuasa."

- (Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah ayat 185).

TAHUN 58 / BILANGAN 86

20 JULAI 2013 / 1434 رمضان 11

EDISI SABTU / PERCUMA



67
15 Julai 2013

دولت كباو دولي توان قاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik

Berangkat tunaikan Sembahyang Fardu Jumaat Pertama di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani Plak Kenangan sempena keberangkatan baginda menunaikan Solat Fardu Jumaat Pertama di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar. Berangkat sama ialah putera-putera baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel. - Foto : Mohd. Shahrizal bin Haji Said. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 12 dan 13).

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Mohd. Shahrizal Haji Said,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 19 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat Yang Pertama di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar, di sini.

Berangkat sama ialah putera-putera baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan putera-putera baginda telah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman dan Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned serta ahli-ahli jemaah takmir masjid berkenaan.

Sejurus keberangkatan tiba, baginda dijunjung berangkat ke kawasan legar masjid di mana baginda berkenan menandatangani Plak Kenangan sempena keberangkatan Kebawah DYMM bagi menunaikan Solat Fardu Jumaat Pertama di masjid itu dan susuli dengan takbir 'Allahuakbar' dilaungkan sebanyak tiga kali yang diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Ugama.

Ke muka 12 & 13

DI DALAM



Muka 3

YTM berkenan sertai Majlis Khatam Al-Qur'an 67 Kali

Brunei lahirkan kebimbangan peningkatan 'hotspot'

Berita dan Foto :
Ihsan Kementerian Pembangunan

MALAYSIA, Rabu, 17 Julai. - Menteri yang bertanggungjawab terhadap alam sekitar dari Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Thailand dan Setiausaha Agung ASEAN mengadakan Mesyuarat Kelima Jawatankuasa Pemandu Peringkat Menteri Sub-Wilayah (MSC) Mengenai Pencemaran

Jerebu Rentas Sempadan di Kuala Lumpur, Malaysia.

Negara Brunei Darussalam diwakili oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Juga menghadiri ialah Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan, Awang Haji Muhammad Lutfi Abdullah dan Pegawai Kanan dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat, Kementerian Hal

Ehwal Dalam Negeri.

Menteri-menteri menyatakan Pusat Meteorologi Khas ASEAN (ASMC), tinjauan cuaca bagi tempoh cuaca kering sesekali untuk beberapa bulan akan datang sehingga akhir musim Monsun Barat Daya pada awal bulan Oktober 2013.

Peningkatan dalam aktiviti-aktiviti yang membawa kepada 'hotspot' kejadian jerebu asap merentasi sempadan boleh dijangkakan semasa tempoh cuaca kering.

Ke muka 24

Projek pembinaan jambatan dilaksanakan

Bismillahir Rahmanir Raheem

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

TERLEBIH dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada kontraktor-kontraktor yang telah berjaya dilantik untuk melaksanakan dua projek penting di negara ini, iaitu:

- Construction of a Bridge Across Sungai Brunei from Kampung Sungai Kebun to Jalan Residency.

- Expansion Works To Mengkubau Water Treatment Plant For New 4000 Units Mengkubau Housing Under BEDB.

Kedua kontrak yang ditandatangani pada pagi ini bernilai lebih kurang BND157 juta adalah projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) Ke-10. Projek-projek ini adalah sebahagian dari usaha Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk meningkatkan tahap infrastruktur dengan meningkatkan rangkaian jalan raya dan kapasiti bekalan air bersih untuk dinikmati oleh rakyat dan penduduk di Negara Brunei Darussalam.

Alhamdulillah pada pagi yang mulia ini, kita telah melakar satu lagi detik bersejarah di mana satu projek membina jambatan menyeberang Sungai Brunei yang telah pun ditandatangani. Projek 'Construction of a Bridge Across Sungai Brunei from Kampung Sungai Kebun to Jalan Residency' adalah projek bagi pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Brunei dengan harga kontrak BND138.9 juta.

Dengan terbinanya jambatan ini nanti, insya-Allah ianya akan dapat menghubungkan dua buah kawasan utama di negara ini iaitu Bandar Seri Begawan dan Mukim Lumapas. Dengan terbinanya jambatan ini, ia akan menawarkan jalan *alternative* bagi penduduk Mukim Lumapas untuk ke Bandar Seri Begawan.

Menurut perangkaan Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya lebih 18,000 kenderaan setiap hari yang datang dari Mukim Lumapas dan sekitarnya menggunakan laluan Jalan Bengkurong Masin untuk menuju ke kawasan-kawasan utama sama ada untuk menghantar anak ke sekolah, bekerja, membeli-belah atau tujuan-tujuan lain. Jumlah ini di jangka akan terus meningkat dari semasa ke semasa. Keadaan ini akan semakin meruncing lagi dengan pertumbuhan kawasan-kawasan perumahan termasuk skim perumahan yang telah dirancang di Mukim Lumapas dan sekitarnya dan aktiviti-aktiviti perekonomian yang lain.

Insyaa-Allah, dengan terbinanya jambatan ini nanti, adalah dianggarkan kira-kira 9,000 jumlah kenderaan akan menggunakan laluan menuju ke jambatan ini nanti setelah siap dan insya-Allah akan meringankan kesesakan lalu lintas di Jalan Bengkurong Masin dan Jalan Tutong.

PEMBINAAN jambatan dengan struktur yang iconic ini juga akan menjadi satu penarik dan berpotensi untuk menjana perkembangan ekonomi di kawasan asal Bandar Seri Begawan, iaitu kawasan yang berhadapan dengan Sungai Brunei dan Kampong Ayer. Jambatan ini adalah termasuk pembinaan 'Cable Stayed Bridge' yang pertama di negara ini sepanjang 300m dan dengan panjang keseluruhan kira-kira 607m

Pembinaan jambatan dengan struktur yang *iconic* ini juga akan menjadi satu penarik dan berpotensi untuk menjana perkembangan ekonomi di kawasan asal Bandar Seri Begawan, iaitu kawasan yang berhadapan dengan Sungai Brunei dan Kampong Ayer. Jambatan ini adalah termasuk pembinaan 'Cable Stayed Bridge' yang pertama di negara ini sepanjang 300m dan dengan panjang keseluruhan kira-kira 607m.

Projek ini menggunakan kaedah 'Design and Build Contract' dan akan dilaksanakan oleh gabungan kontraktor dan konsultan tempatan dengan kontraktor-kontraktor dari luar negara yang berpengalaman dan mempunyai kepakaran di dalam pembinaan struktur jambatan yang serupa dengan tempoh pembinaan tiga (3) tahun.

Projek kedua yang telah ditandatangani kontraknya pada pagi ini adalah tidak kurang pentingnya, iaitu 'Expansion Works To Mengkubau Water Treatment Plant For New 4,000 Units Mengkubau Housing Under BEDB' (Kerja Menambah Ke Atas Loji Rawatan Air Mengkubau Bagi 4,000 Buah Perumahan Mengkubau Di Bawah Kawalan BEDB).

Projek yang bernilai kira-kira BND18 juta ini akan meningkatkan kapasiti pengeluaran air di 'Mengkubau Water Treatment Plant' dari 27 juta liter kepada 37 juta liter. Dengan peningkatan kapasiti ini, ianya akan dapat menampung keperluan air bersih di kawasan setempat, khususnya bagi Skim Perumahan 4,000 unit di Mengkubau. Projek yang akan berjalan selama 18 bulan ini di jangka siap pada Februari 2015.

Skop kerja ini melibatkan kerja-kerja menaikkan taraf sistem di Stesen Pengepam Air Mentah Mengkubau (berdekatan dengan Empangan Mengkubau) bagi tambahan air mentah dan sistem di loji rawatan air bersih mengkubau bagi rawatan serta mengeluarkan tambahan sebanyak 10 juta liter sehari. Penanaman paip baru juga di lakukan bagi menyalurkan air mentah dari stesen pengepam air mentah ke Loji rawatan dan juga air bersih dari Loji ke Perumahan baru BEDB.

Saya penuh berharap agar kontraktor-kontraktor yang berjaya akan dapat

DENGAN terbinanya jambatan ini nanti, insy-Allah ianya akan dapat menghubungkan dua buah kawasan utama di negara ini iaitu Bandar Seri Begawan dan Mukim Lumapas.

Dengan terbinanya jambatan ini, ia akan menawarkan jalan 'alternative' bagi penduduk Mukim Lumapas untuk ke Bandar Seri Begawan.

Menurut perangkaan Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya lebih 18,000 kenderaan setiap hari yang datang dari Mukim Lumapas dan sekitarnya menggunakan laluan Jalan Bengkurong Masin untuk menuju ke kawasan-kawasan utama sama ada untuk menghantar anak ke sekolah, bekerja, membeli-belah atau tujuan-tujuan lain. Jumlah ini di jangka akan terus meningkat dari semasa ke semasa.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman semasa berucap Pada Majlis Penandatanganan Kontrak Bagi Projek-Projek di Bawah Jabatan Kerja Raya yang diadakan di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

mempamerkan mutu kerja yang sangat tinggi demi menghasilkan projek yang benar-benar menepati kehendak pengguna. Di dalam melaksanakan projek-projek ini, saya juga ingin mengingatkan kepada pemborong-pemborong agar isu-isu keselamatan dan kesejahteraan para pengguna jalan raya yang berdekatan, serta pengguna-pengguna perairan Sungai Brunei diambil keutamaan, di samping kesejahteraan penduduk-penduduk Kampong Ayer yang berdekatan dan tidak kurang pentingnya ialah keselamatan pekerja-pekerja pembinaan.

Sekali lagi, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kontraktor-kontraktor yang berjaya semoga projek-projek ini akan berjalan dengan lancar seperti yang dirancang.

Dari Sidang Pengarang.

20 JULAI 2013 BERSAMAAN 1434 11 رمضان

BUDAYAKAN AMALAN BERSEDEKAH DI BULAN RAMADAN

MENGHIDUPKAN malam-malam Ramadan yang penuh berkat dengan sunat terawih, tahajjud, bertadarus dan sebagainya memang menjadi kebiasaan bagi kita umat Islam di Negara Brunei Darussalam. Semua masjid-masjid, balai-balai ibadat dan surau-surau di seluruh negara syukur alhamdulillah dipenuhi dengan umat Islam yang tidak melepaskan peluang melipatgandakan amal ibadat di bulan yang mulia ini.

Walau bagaimanapun kegairahan kita umat Islam meningkatkan amal ibadat di bulan yang mulia ini, kita juga jangan lupa kepada mereka yang amat memerlukan bantuan untuk meneruskan kehidupan. Dalam hal ini kita amat digalakkan membayarkan bersedekah dan melakukan kebaikan untuk orang lain. Kerana salah satu amal yang amat digalakkan untuk dilaksanakan dalam bulan Ramadan ini ialah amal bersedekah, menderma, berwakaf atau menolong orang lain sama ada secara individu, membantu organisasi atau membantu pihak yang memerlukan bantuan khususnya dalam bentuk wang, harta benda ataupun perkhidmatan.

Sempena bulan Ramadan yang mulia ini, mungkin kita mempunyai sedikit sebanyak kemewahan harta, wang ringgit atau mampu dan boleh untuk disumbangkan kepada perkhidmatan-perkhidmatan tertentu kepada golongan-golongan yang memerlukan. Amalan atau sikap seperti ini amatlah dituntut di dalam Islam. Orang-orang miskin sama ada di mana pun mereka tinggal sama ada bandar atau kampung, sedekah untuk anak-anak yatim yang kehilangan ibu bapa tempat bergantung, kesemuanya amat diharapkan bantuan, derma sumbangan atau sedekah daripada kita yang berkemampuan.

Sebagaimana dalam sebuah hadis Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dan bermaksud: "Barang siapa yang bersedekah sebesar biji kurma dari hasil yang baik dan Allah Subhanahu Wata'ala hanya menerima sesuatu yang baik saja. Nescaya Allah Subhanahu Wata'ala akan menerimanya dengan tangan kanan-Nya, lalu memeliharanya untuk diberikan kepada pemiliknya sebagaimana salah seorang daripada kalian memelihara anak kudanya hingga (pahala sedekahnya itu) menjadi seperti gunung". (Hadis Bukhari).

Dari hadis ini memperlihatkan bahawa umat Islam sangat dituntut dalam membudayakan amal bersedekah, lebih-lebih semasa menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan yang penuh berkat itu.

Sebagai contoh, di negara kita berbagai usaha telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dan Swasta untuk menggalakkan orang ramai menyumbangkan derma khususnya kepada Tabung Anak-Anak Yatim Kebangsaan seperti menerusi Sistem Pesanan Ringkas atau SMS yang diperkenalkan sejak tahun 2005. Sambutan orang ramai sangat menggalakkan dan ianya juga memudahkan para penderma dari semua peringkat umur untuk menyalurkan derma atau sedekah mereka ke tabung berkenaan.

Kesedaran dan keprihatinan pihak masyarakat di negara ini dalam sama-sama menderma atau bersedekah, khususnya di bulan yang mulia ini amat membanggakan.

Di mana setiap usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan dan swasta dalam hal yang berkeabajikan ini telah disokong dengan semangat keharmonian dan kasih sayang antara sesama insan. Malah sesetengah individu juga sanggup untuk mencari sendiri mereka yang benar-benar memerlukan bantuan hanya untuk mendapatkan pahala dan ganjaran daripada Allah dan secara tidak langsung mengeratkan hubungan antara anggota masyarakat dan memadam jurang perbezaan di antara individu yang berkemampuan dengan yang sebaliknya.

Dari itu, amal bersedekah amat dianjurkan dalam Islam dan akan mendapat ganjaran pahala yang besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sentiasa menunjukkan teladan kepada umatnya dalam perbuatan bersedekah. Begitulah indahnyanya ajaran Islam yang menggalakkan umatnya bersedekah. - **Ketua Penyuntingan.**

SIDANG PENGARANG

Pemberitaan/Rencana

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,
Norliah Md. Zain,
Hezlinawati Haji Abd. Karim,
Abdullah Asgar,
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,
Hajah Siti Zuraiyah Haji Sulaiman,
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim,
Haniza Abdul Latif,
Rohani Haji Abdul Hamid,
Nooratiini Haji Abas,
Khartini Hamir,
Saerah Haji Abdul Ghani,
Aimi Sani,
Aryenty Haji Ariffin

Ketua Penyuntingan

Hajah Zabaidah Haji Salat,
Ishak Haji Othman

Penyemakan

Haji Besar Haji Mamit,
Hajah Norliha Haji Salleh,
Ramlah Md. Nor,
Nurul Hazwani Abu Omar,
Siti Faizahanisah Awang Mahani,
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

Penterjemahan

Hajah Musmariyani Haji Mohammad

Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,
Jurainah Haji Jait,
Nornasyirah Nordin

Penyuntingan

Haji Sahari Akim,
Samle Haji Jait,
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,
Siti Muslihat Haji Salleh,
Bolhassan Haji Abu Bakar,
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,
Haji Ahmad Haji Salim,
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,
Wan Mohamad Sahrn Wan Ahmadi,
Hajah Raini Haji Bidin,
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail,
Jorrani binti Haji Zainal

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
140

ELEKTRIK
144

NDMC
2380214

YTM berkenan sertai Majlis Khatam Al-Qur'an 67 Kali



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murad.

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Julai. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan berangkat menyertai Majlis Khatam Al-Qur'an 67 Kali bagi pelajar-pelajar dan belia-belia sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-67.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah telah dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri

Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman.

Sejurus keberangkatan majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murad.

Bacaan surah-surah khatam bermula dari Surah Adh Dhuhaa yang dibaca secara beramai oleh seramai 2,384 orang pelajar dan belia lelaki dari Daerah Brunei dan Muara.



YANG Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah para pelajar dan belia yang menyertai Majlis Khatam Al-Qur'an 67 Kali sempena sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-67.

Cucunda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Raqiib bin Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim di antara peserta yang menyertai majlis berkenaan.

Kesemua pelajar berkenaan telah memulakan membaca Al-Qur'an 30 juz sejak bulan April lalu.

Doa Khatam telah dibacakan oleh wakil dari Sekolah Al-Faalah, Awang Abd. Aziz bin Haji Nornasran.

Ia disusuli dengan bacaan Dikir Marhaban secara beramai-ramai.

Doa kesyukuran dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Haji Murad.

Selepas majlis, Yang Teramat Mulia bersama-sama menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Dato

Paduka Awang Haji Mustafa.

Hadir pada majlis tersebut ialah Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff dan Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail.

Juga hadir ialah Ahli Malis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin selaku Penghulu Mukim Gadong 'A', Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Mahasiswa Universiti Brunei Darussalam, Mohd. Abdul Hadi bin Haji Bagol ketika ditemui bual pemberita PELITA BRUNEI menjelaskan penyertaannya pada majlis itu tidak disangkakan sambil melahirkan rasa gembira dan berpuas hati kerana telah terpilih membaca Al-Qur'an 30 juz 67 kali khatam.

Katanya, sebagai persiapan awal, beliau telah membaca Al-Qur'an secara persendirian di rumah.

Manakala itu, wakil dari Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab Kampung Lumapas, Mohd. Ali Waffiuddin bin Haji Osman, penuntut Tahun 11 berusia 16 tahun juga melahirkan rasa syukur kerana telah terpilih bagi membaca Al-Qur'an 67 kali khatam.

Katanya, peluang seumpama ini datang setahun sekali dan tidak melepaskan peluang yang ada kerana tahun ini khatam 67 kali diadakan berkebetulan dalam bulan suci Ramadan dan penuh keberkatan kerana Al-Qur'an itu sendiri diturunkan dalam bulan Ramadan.

Inisiatif membaca Al-Qur'an untuk khatam 67 kali di peringkat institusi pendidikan kerajaan dan swasta merupakan kesinambungan dari usaha Kementerian Pendidikan dan KKBS pada tahun lepas bagi para pelajar peringkat rendah, menengah, Institusi Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Institusi Pengajian Tinggi.

Pembacaan Al-Qur'an 67 kali khatam Kementerian Pendidikan bersama KKBS diadakan bagi menanamkan dan menyuburkan budaya membaca, mempelajari dan menghayati Al-Qur'an serta mengamalkan ajarannya sebagai amalan harian untuk kepentingan diri, agama, bangsa dan negara.

Dengan niat membaca Al-Qur'an 30 juz dihadiahkan kepada Kebawah DYMM dan kesejahteraan negara serta sebagai menjunjung hasrat baginda untuk menjadikan negara ini sebagai Negara Zikir, di samping mengamalkan penghayatan terhadap falsafah Melayu Islam Beraja.



CUCUNDA Kebawah DYMM, Yang Amat Mulia Pengiran Anak 'Abdul Raqiib bin YAM Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim di antara peserta yang menyertai Majlis Khatam Al-Qur'an 67 Kali.

Majlis Bertadarus JPM diteruskan



MENTERI Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim semasa menyerahkan sumbangan wakaf kepada wakil Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Pg. Haji Bahar Pg. Haji Omar

MULAUT, Rabu, 17 Julai. - Bulan suci Ramadan terus giat disemarakkan dengan majlis-majlis keagamaan khususnya majlis bertadarus Al-Qur'an bagi sama-sama mendapatkan ganjaran pahala dan keberkatan yang dijanjikan Allah Subhanahu Wata'ala dalam bulan yang mulia ini.

Sehubungan itu, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya meneruskan lagi kegiatan

keagamaan mereka dengan mengadakan Majlis Bertadarus Ramadan bagi tahun 1434 Hijriah / 2013 Masihi di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, di sini.

Majlis yang dikendalikan bersama oleh Jabatan Peguam Negara, Jabatan Penerangan dan Jabatan Penyelidikan Brunei dengan kerjasama Jawatan-kuasa Takmir Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen itu dimulakan dengan



MENTERI Kewangan Kedua di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim semasa hadir pada Majlis Bertadarus Ramadan bagi tahun 1434 Hijriah / 2013 Masihi anjuran JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan seterusnya diikuti dengan tadarus Al-Qur'an bermula dari juz 16 hingga 30.

Setelah itu, acara diteruskan dengan bacaan tahlil, doa selamat dan penyampaian wakaf kepada wakil masjid berkenaan iaitu Pegawai Hal Ehwal Masjid Zon III Kawasan II, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Awang Haji Zainal bin Haji Othman, yang disempurnakan oleh Menteri Kewangan Kedua di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Juga hadir dalam majlis tersebut Timbalan Menteri di JPM, Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned dan Hakim Mahkamah Tinggi Syari'ah, Dato Seri Setia Awang Haji Md. Zaimi bin Haji Talip.

Hadir sama, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap JPM, pegawai-pegawai kanan serta

kakitangan di bawah JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis Bertadarus JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya diteruskan lagi pada hari Khamis, 18 Julai di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim Kilanas.

Majlis seumpama ini yang diadakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bertujuan bagi menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan, meningkatkan syiar Islam dan amal ibadat khususnya dengan bertadarus Al-Qur'an.

Majlis Doa Kesyukuran Hari Keputeraan anjuran JPM

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Julai. - Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Membaca Doa Kesyukuran sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun yang berlangsung di Masjid Ash-Saliheen, Jalan Kumbang Pasang, di sini.

Hadir sama ke majlis tersebut ialah Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang

Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri di JPM, Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned.

Juga hadir ialah Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha-Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Yaa Siin diikuti bacaan tahlil dan doa kesyukuran yang dipimpin oleh imam masjid berkenaan, Awang Haji Aslenan bin Haji Metusin.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah.



MENTERI Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim dan Timbalan Menteri di JPM, Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned hadir di majlis tersebut.

Program Tadarus Al-Qur'an tingkatan kesefahaman belia

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Julai. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Belia dan Sukan (JBS) meneruskan lagi Program Bertadarus Al-Qur'an Belia Bulan Ramadan 1434 Hijriah / 2013 Masihi bagi Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampung Bebatik Kilanas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu kehormat dan diikuti dengan bacaan Al-Qur'an oleh peserta belia dan pegawai serta

kakitangan KKBS secara bergiliran.

Seramai 400 belia dari Daerah Brunei dan Muara meneruskan acara dengan bacaan takhtim dan kemudiannya diteruskan lagi dengan bacaan Tahlil dan Doa Selamat sementara menunggu waktu berbuka puasa.

Pada majlis tersebut turut diselenggarakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah setelah selesai waktu berbuka puasa.

Sejak program ini dianjurkan pada tahun 2003, ianya telah melibatkan banyak pihak termasuklah agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan belia, perseorangan dan tidak ketinggalan golongan belia.

Antara tujuan program itu diadakan adalah untuk meningkatkan kesefa-



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Pogram Bertadarus Al-Quran Belia Bulan Ramadan 1434 Hijriah / 2013 Masihi, berlangsung di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit Kampung Bebatik Kilanas.

haman belia tentang kepentingan membaca dan menghayati Al-Qur'an sebagai panduan hidup dan untuk mempertingkatkan serta mengukuhkan persefahaman dan kerjasama di

antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia.

Penganjuran program seumpama ini diharapkan akan dapat meningkatkan

lagi penglibatan belia dalam aktiviti keagamaan yang sudah setentunya berupaya menjadi benteng buat generasi belia dalam menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang.

JPKK adakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Julai. - Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Bahagian Keagamaan mengadakan Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dalam majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri

Setia Awang Haji Yusoff bin Haji Ismail, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pengetua-pengetua, guru-guru besar, para pegawai dan kakitangan dari kementerian berkenaan.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah dan Bertahlil serta bacaan Doa Arwah beramai-ramai yang dikepelai oleh Imam Masjid Sufri Bolkiah, Kampung Burung Pinggai Berakas, Awang Haji Warith bin Haji Raini.

Lebih 400 pegawai dan kakitangan dari Kementerian Pendidikan menghadiri majlis bertahlil tersebut.



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong hadir pada Majlis Bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit di Kubah Makam Diraja.

Tabung Dana Anak Yatim terima sumbangan BND33,382

Oleh :
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara (DBM), Awang Haji Jamain bin Momin menerima sumbangan derma bagi Tabung Dana Anak-Anak Yatim DBM daripada seorang dermawan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Julai. - Tabung Dana Anak-Anak Yatim, Jabatan Daerah Brunei dan Muara (DBM) terus menerima sumbangan daripada pihak-pihak yang dermawan di negara ini.

Tabung Dana menerima sumbangan keseluruhannya berjumlah BND33,382 daripada seramai 30 penderma terdiri daripada pihak swasta dan orang perseorangan.

Antara penderma yang memberi sumbangan ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin mewakili Goh Hock Kee Motors Sendirian Berhad; wakil Pehin Orang Kaya Ratna Setia Dato Paduka Awang Haji Abdul Hapidz bin Pehin Orang Kaya Laksamana Haji Abdul Razak; Syarikat Hanafi Consultant; OKKY Jewellery Sendirian Berhad dan syarikat-syarikat serta orang persendirian yang lainnya.

Majlis penerimaan sumbangan bagi Tabung Dana yang berlangsung di Bilik Silaturahmi, Jabatan DBM itu diterima oleh Pegawai DBM, Awang Haji Jamain bin Momin.

Dengan adanya sumbangan yang dihulurkan oleh pihak-pihak yang dermawan itu akan dapat membantu meringankan beban anak-anak yatim di negara ini dalam menjalani kehidupan mereka seharian.

Dermawan hulur sumbangan di bulan Ramadan

Oleh : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
Foto : Ihsan Pejabat Daerah Belait

KUALA BELAIT, Rabu, 17 Julai. - Umat Islam berlumba-lumba melakukan segala amal kebaikan lebih-lebih lagi di bulan Ramadan yang suci ini bagi memperoleh pahala yang berlipat ganda dan ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan memberikan sesuatu yang bermanfaat untuk orang lain, insya-Allah *bonus besar* akan didapatkan yakni kekayaan yang abadi yang berupa pahala, lebih-lebih lagi di bulan Ramadan ini semua amalan ibadah kita, pahalanya akan dilipatgandakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, dua buah syarikat tempatan di negara ini telah menghulurkan derma kepada Tabung Amal Anak-Anak Yatim Daerah Belait berjumlah BND10,000 yang diterima oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman, selaku Pengerusi Tabung di pejabat beliau, di sini.

Sumbangan pertama sebanyak BND5,000 diterima daripada Syarikat Emas Laut Sendirian Berhad disampaikan oleh Pengarah Urusan syarikat tersebut, Awang Haji Muhammad Taib bin Datu Hulubalang Haji Abdul Wahab.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Haris bin Othman menerima sumbangan derma dari Syarikat Subtec Laut Sdn. Bhd. yang disampaikan oleh Pengarah Urusan Syarikat berkenaan Awang Shahasbullah bin Haji Mohd. Akip.

Mengenal Allah melalui ciptaan-Nya

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



PARA pegawai Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) semasa menghadiri Ceramah Khas 'Mengenal Allah Melalui Kekuasaan-Nya', berlangsung di Surau PDB.

GADONG, Rabu, 17 Julai. - Umat Islam boleh mengenal Allah Subhanahu Wata'ala antaranya melalui ciptaan-Nya dengan cara melihat dan menghayati alam semesta kerana setiap sesuatu kejadian itu ada Maha Pencipta-Nya.

Penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Fansuri Sharimi @ Mansur bin Md. Ali menyatakan perkara itu semasa menyampaikan Ceramah Khas 'Mengenal Allah Melalui Kekuasaan-Nya' anjuran Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), berlangsung di Surau PDB, di sini.

Selain dari itu, tambahnya, umat Islam juga mengenal Allah Subhanahu Wata'ala, dengan mengerjakan ibadah solat yang banyak menyebut perkataan 'Allah'.

Beliau menjelaskan, perkataan 'Allah' juga terkandung di dalam doa dan zikir, di samping melalui laungan azan yang menyebut seruan nama Allah Yang Maha Esa.

Dalam ceramahnya, Awang Haji Fansuri Sharimi @ Mansur juga menjelaskan mengenai kemuliaan bulan Ramadan yang penuh keberkatan, yang mana di dalamnya diturunkan kitab suci Al-Qur'an.

Terdahulu, para hadirin menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah diimamkan oleh imam surau berkenaan.

Majlis keagamaan yang diselenggarakan



PENCERAMAH dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Fansuri Sharimi @ Mansur bin Md. Ali semasa menyampaikan Ceramah Khas 'Mengenal Allah Melalui Kekuasaan-Nya'.

oleh Badan Ugama Islam PDB itu bertujuan bagi menyemarakkan bulan Ramadan, di samping mengeratkan silaturahmi dalam kalangan anggota PDB.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyertai majlis keagamaan itu ialah Penolong Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Abd. Wahid bin Haji Yahya.

Juga hadir ialah pegawai-pegawai dan anggota PDB.

JPM menyemarakkan tadarus di bulan Ramadan

Oleh :

Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Julai. - Bulan suci Ramadan terus giat disemarakkan dengan majlis-majlis keagamaan khususnya majlis tadarus Al-Qur'an demi meraih pahala dan keberkatan yang dijanjikan dalam bulan ini.

Sehubungan itu, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Jabatan-Jabatan di bawahnya mengadakan pembukaan Majlis Bertadarus Ramadan bagi tahun 1434H/2013M yang berlangsung di Surau Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong, di sini.

Majlis yang dikendalikan bersama oleh Polis Diraja Brunei, Pejabat Biro Mencegah Rasuah dan Jabatan Biro Kawalan Narkotik itu dimulakan dengan bacaan surah Al Faatihah yang dipimpin

oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan seterusnya diikuti dengan tadarus Al-Qur'an bermula dari Juz 1 hingga 15.

Sementara itu, majlis turut diberkati dengan doa tahlil yang dibacakan oleh Imam Surau Ibu Pejabat Polis, Sarjan Mejar Pengiran Haji Ludin bin Pengiran Metahir.

Juga hadir Menteri Kewangan Kedua di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri di JPM, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap JPM, Pesuruhjaya Polis, Pegawai-pegawai Kanan serta kakitangan di bawah JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis Bertadarus JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya akan diteruskan lagi pada hari Rabu, 17 Julai di Masjid Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Kampung Mulaut.

Majlis Doa Kesyukuran, Kementerian Kewangan



MENTERI Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim hadir selaku tetamu kehormat majlis berkenaan.

Oleh : Abdullah Asgar

Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Julai. - Majlis Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Bertahlil dan Doa Kesyukuran Sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67 Tahun terus diadakan.

Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di dalamnya telah mengadakan majlis seumpamanya di surau kementerian itu yang bermula dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri

Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Juga hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Bahrin bin Abdullah, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha-setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, dan pegawai-pegawai serta kakitangan di kementerian tersebut.

Majlis bermula dengan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah yang kemudian disusuli dengan Sembahyang Sunat Hajat.

Seterusnya diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil berama-ramai serta bacaan doa kesyukuran yang dipimpin oleh Pegawai Jabatan Hal Ehwal Masjid, Pengiran Haji Hafizuddin bin Pengiran Haji Bakar.

Tadarus syiar makmurkan masjid

Berita dan Foto :

Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Selasa, 16 Julai. - Sempena bulan Ramadan yang mubarak ini, majlis-majlis keagamaan di Negara Brunei Darussalam sedang rancak dijalankan bagi menyemarakkan lagi suasana di bulan yang penuh keberkatan ini.

Sehubungan itu, rombongan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) tidak ketinggalan untuk mengadakan majlis seumpamanya dengan mengunjungi beberapa buah masjid yang ditetapkan di seluruh negara.

Bagi Daerah Temburong, majlis yang dikendalikan oleh Jabatan Pentadbiran dan Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mengunjungi Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie, Mukim Bokok, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mendahului bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an ialah Timbalan Setiausaha Tetap KHEU Awang Haji Harun bin Haji Junid.

Sementara itu, bacaan Tafsir Al-Qur'an pula disampaikan oleh Pegawai Urusan Haji

KHEU, Awang Matudin bin Matahir.

Terdahulu, bacaan Surah Al-Faatihah dipimpin oleh Imam Masjid RPN Kampung Rataie, Imam Haji Said Ahmad bin Haji Ali Amat dan kemudiannya membaca tahlil dan doa arwah.

Pada majlis itu juga, Masjid RPN Kampung Rataie menerima sumbangan wakaf dari warga Kementerian Hal Ehwal Ugama berupa Hedge Trimmer dan beberapa buah buku terbitan Pusat Da'wah Islamiah yang disampaikan oleh Tetamu Kehormat kepada Imam masjid berkenaan.

Selain untuk menyemarakkan suasana bulan Ramadan, majlis seumpamanya juga merupakan salah satu syiar untuk memakmurkan masjid serta untuk mengeratkan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan jemaah masjid dan penduduk kampung.

Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad serta pegawai-pegawai kanan dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama serta penduduk-penduduk yang tinggal di sekitarnya.



TIMBALAN Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Harun bin Haji Junid semasa mendahului bacaan ayat suci Al-Qur'an pada Majlis Bertadarus rombongan KHEU sempena bulan Ramadan 1434 Hijriah/2013 Masihi.



ANTARA yang hadir dalam majlis tersebut ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Menteri Kewangan Kedua di JPM, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

KHEDN semarakkan bulan Ramadan



PEMANGKU Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof hadir pada Majlis Tadarus Al-Qur'an bagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berserta rombongan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Daerah Belait.

Berita dan Foto : Noraisah Muhammed

KUALA BELAIT, Selasa, 16 Julai. - Majlis Tadarus Al-Qur'an bagi Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berserta rombongan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Daerah Belait telah diadakan di Masjid Kampong Bukit Sawat, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd Yussof.

Majlis berkenaan juga dihadiri sama oleh Pegawai Daerah Belait, Haji Haris bin Othman, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Shafie bin Ahmad dan Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Yusof bin Haji Dulamin, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan di KHEDN, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatannya, serta penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung di Daerah Belait dan jemaah masjid serta masyarakat Kampung Bukit Sawat.

Majlis Bertadarus bermula dengan bacaan Surah Al Faatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat, Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, yang juga mendahului bacaan surah dari juz 11.

Pada majlis berkenaan lapan orang anak-anak yatim dari Mukim Bukit Sawat dan sekitarnya menerima sumbangan derma sementara

sumbangan wakaf kepada masjid berkenaan telah disampaikan oleh Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada Iman Masjid Bukit Sawat, Imam Ahmad bin Ramli.

Sumbangan derma merupakan derma daripada Tabung Amal Anak-Anak Yatim Daerah Belait dan sumbangan daripada pegawai dan kakitangan KHEDN.

Rombongan Yang Dimuliakan berkesempatan mengadakan majlis bersungkaik bersama penduduk-penduduk kampung berkenaan dan seterusnya menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib berjemaah.

Pemangku Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bersama rombongan seterusnya berkunjung ke Masjid Al-Mashoor Kampung Sungai Mau bagi menunaikan Sembahyang Fardu Isyak dan seterusnya menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah bersama-sama dengan penduduk-penduduk Kampung Sungai Mau dan sekitarnya.

Majlis Tadarus Al-Qur'an yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berserta rombongan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya itu merupakan salah satu usaha kementerian dalam mendekatkan lagi hubungan silaturahim antara kementerian dengan kepimpinan akar umbi dan penduduk-penduduk mukim dan kampung di Daerah Belait khususnya di kawasan luar bandar.

Aktiviti ini juga salah satu aktiviti keagamaan tahunan kementerian dalam selain meraih kemanfaatan dan pahala di bulan Ramadan, di samping memakmurkan masjid-masjid terpilih bersama penduduk-penduduk kampung. Majlis serupa ini juga akan diteruskan di Daerah Temburong dan Daerah Brunei Muara.

Hulur bantuan untuk anak-anak yatim

Mangsa rumah roboh terima bantuan kewangan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri
Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Julai. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) hari ini menghulurkan bantuan kewangan bagi membantu meringankan beban para mangsa kejadian rumah roboh di Kampung Burong Pingai Ayer yang berlaku baru-baru ini.

Kegiatan yang berlaku pada 14 Julai lepas, sekitar pukul 1.00 pagi melibatkan dua buah keluarga iaitu dua buah rumah yang menempatkan 14 penghuni.

Hadir menyerahkan bantuan kewangan kepada para mangsa tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah yang berlangsung di kediaman

Ketua Kampung Burong Pingai Ayer, Kampung Ayer, Awang Abdul Rahman bin Haji Omar, di sini.

Sejumlah BND5,000 disumbangkan bagi setiap ketua keluarga yang diserahkan kepada Awang Haji Mohd. Noor bin Mokti dan Awang Haji Hassan bin Haji Abd. Salam.

Sebelum ini, JAPEM juga telah menyumbangkan bantuan berupa catuan makanan untuk tempoh seminggu serta barang-barang keperluan lain seperti bantal, kain dan selimut kepada mangsa yang terdabit.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mengadakan lawatan ke kawasan kejadian rumah roboh berkenaan.

Juga hadir pada majlis itu, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Hajah Adina binti Othman, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengarah Pembangunan Masyarakat, Pengarah di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Pegawai-pegawai Kanan JAPEM.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah menyampaikan sumbangan kewangan kepada ketua keluarga, Awang Haji Mohd. Noor bin Mokti.

Pembinaan dua buah rumah bantuan dilancarkan

Oleh : Saerah Haji Abd Ghani, Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana
Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Julai. - Hasrat dua buah keluarga yang kurang berkemampuan untuk memiliki sebuah rumah yang lebih baik dan selesa akan menjadi kenyataan dengan terbinanya rumah bantuan yang diusahakan oleh Jabatan Majlis Ugama Islam (JMUI) dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara nanti.

Pelancaran pembinaan dua buah rumah bantuan tersebut bagi Dayang Nisah binti Haji Kula di Kampung Madang dan Dayang Rosnah binti Kula di Kampung Kulapis.

Majlis mendirikan tiang bagi kedua-dua buah rumah tersebut disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba dan Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam, Awang Haji Abdul Aziz bin Akop.

Dayang Nisah berumur 45 tahun, merupakan ibu tunggal dan mempunyai tiga orang anak



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Matusin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba menuang simen bagi memulakan pembinaan rumah bantuan Dayang Rosnah binti Haji Kula di Kampung Kulapis.

yang masih bersekolah.

Beliau yang tidak bekerja hanya mengharapkan bantuan bulanan daripada JMUI bagi menampung perbelanjaan keluarga.

Manakala Dayang Rosnah, 52, mempunyai enam anak yang juga hanya mengharapkan bantuan bulanan daripada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Keseluruhan perbelanjaan bagi pembinaan dua buah rumah ini ditanggung sepenuhnya oleh MUIB.

nya oleh MUIB.

Sementara itu, bagi membantu keluarga yang tergolong susah atau daif dan tidak berkemampuan untuk memiliki rumah yang lebih selesa, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui agensi yang berkaitan sentiasa berusaha mengikut kemampuan menghulurkan bantuan kepada mereka.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof mengikut bacaan Surah Al-Qur'an Juz ke-10 pada Majlis Tadarus dan Tahlil serta Solat Fardu Maghrib Berjemaah dan Persungkaan anjuran Kementerian Kesihatan.

Berita dan Foto :
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Selasa, 16 Julai. - Bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mulia, Kementerian Kesihatan telah mengadakan Majlis Tadarus dan Tahlil serta Solat Fardu Maghrib Berjemaah dan Persungkaan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof di Dewan Serbaguna Hospital Suri Seri Begawan (SSB), di sini.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat telah menyampaikan sumbangan derma daripada pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan kepada 15 orang anak yatim terdiri daripada anak-anak pegawai dan kakitangan hospital tersebut bagi membantu anak-anak yatim berkenaan untuk membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri nanti.

Tetamu kehormat dan para jemputan kemudian mengadakan majlis bersungai bersama-sama dan diikuti Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Ugama

Hospital tersebut, Ustaz Che' Jaafar bin Che' Awang.

Majlis merupakan salah satu daripada aktiviti keagamaan kementerian tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang diketuai oleh Ketua Guru Ugama Hospital tersebut, Ustaz Mohd. Ali Omar bin Haji Yusuf.

Majlis bertadarus Al-Qur'an juz ke-10 dipimpin oleh guru-guru ugama hospital tersebut dan diteruskan dengan bertahlil dan doa arwah bagi pegawai-pegawai dan kakitangan hospital yang telah kembali ke rahmatullah.

Pengerusi Eksekutif Hospital SSB, Awang Mohamad bin Haji Abd. Hamid menyatakan sempena bulan Ramadan ini, pihak hospital diamanahkan untuk melaksanakan pembacaan Surah Al-Qur'an juz ke-6 hingga ke-10 dan pihaknya telah selesai membaca juz ke-6 hingga ke-9 pada Ramadan ke-2.

Beliau menyatakan bagi menghidupkan bulan Ramadan yang mulia ini, pihak hospital telah mengatur beberapa acara keagamaan pada setiap minggu antaranya pada minggu kedua diadakan Majlis Pembukaan Pembacaan Al-Quran Sebanyak 41 Kali sempena ulang tahun hospital tersebut yang ke-41 tahun. Majlis Khatam di jangka akan diadakan pada bulan Oktober nanti.

Yayasan sumbang pelbagai program

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Dk. Nur Hafilah
Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 3 Julai. - Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiyah terus memberikan sumbangan dan perkhidmatan kepada masyarakat di negara ini yang memerlukan sokongan dan bantuan bagi menjalankan beberapa program.

Lebih BND46,800 telah disumbangkan kepada empat pihak yang memerlukan sokongan yang berlangsung di Kompleks Yayasan, di sini.

Sumbangan pertama kepada Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan yang menerima sebanyak BND5,000.00 yang akan digunakan bagi tajaan pertandingan yang bakal dianjurkan oleh bahagian berkenaan.

Menerima bagi pihak Bahagian Kaunseling ialah Pemangku Ketua Bahagian, Awang Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.

Sementara Jawatankuasa Keagamaan Universiti Brunei Darussalam juga menerima sumbangan BND5,000.00 yang akan menganjurkan Seminar 'Rumahku Syurgaku' ia diterima oleh Dayangku Siti Norainul Fathni binti Pengiran Haji Tajuddin.

Manakala Datalish Adven-

ture menerima sejumlah BND4,104.00 yang akan digunakan bagi menganjurkan Rombongan Belia Ramadan yang mana menerima sumbangan ialah Penolong Pengerusi, Awang Jamaludin Amini bin Haji Mali.

Selain itu, 47 buah masjid dan balai ibadat seluruh negara juga menerima sumbangan bagi mengendalikan majlis dan aktiviti pada bulan Ramadan yang tidak lama lagi.

Sumbangan berjumlah BND32,700.00 masing-masing diserahkan kepada 16 masjid Brunei Muara, 19 masjid Daerah Tutong, sebuah masjid, tiga balai ibadat dan satu

Persatuan Sinar Islam dari Daerah Belait dan tiga masjid, tiga balai ibadat dan satu pos da'wah menerima bagi Daerah Temburong, semua sumbangan telah diterima oleh imam dan pegawai masjid masing-masing.

Menyampaikan sumbangan bagi pihak Yayasan ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusof yang juga selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan.

Hadir menyaksikan majlis tersebut termasuk Pengarah Urusan Yayasan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusof yang juga selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan menyampaikan sumbangan Yayasan SHHB.

Ibu bapa berperanan didik keperibadian anak

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

KUALA BELAIT, Khamis, 4 Julai. - Ibu bapa disaran untuk memimpin dan menjaga dengan baik anak-anak sama ada lelaki atau perempuan serta menjadi contoh yang terbaik dan berguna kepada mereka.

Manakala ibu pula berperanan dalam mendidik, menjaga keperibadian akhlak anak-anak mereka seperti mana Siti Maryam, seorang gadis, anak dara yang menjaga kegadisannya sebagaimana yang terkandung dalam ayat Al-Qur'an.

Perkara tersebut merupakan antara inti pati ceramah khas menjelang Ramadan yang bertajuk 'Lambang Wanita Suci' yang disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin menyampaian Cermah Khas menjelang Ramadan bertajuk 'Lambang Wanita Suci'.

Yang Berhormat berkata, di samping memberi didikan agama, seorang ibu juga hendaklah sentiasa berdoa ke hadrat Allah Subhanahu



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin menyampaian Cermah Khas menjelang Ramadan bertajuk 'Lambang Wanita Suci'.

Wata'ala untuk keselamatan dan kesejahteraan anak-anak mereka.

Majlis ceramah anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Muslimah dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Masjid Daerah Belait bertujuan untuk me-

nyemarakkan syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

Selain itu ceramah juga untuk mengeratkan hubungan silaturahmi dan persaudaraan di kalangan muslimah masjid, pegawai dan kakitangan kerajaan wanita, askar wanita Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan penuntut-penuntut sekolah menengah di Daerah Belait serta ke arah merealisasikan wawasan negara sebagai 'Negara Zikir'.

Ceramah menyasarkan kelas bimbingan muslimah masjid, pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, ABDB, persatuan wanita, penuntut-penuntut sekolah menengah dan penduduk mukim dan kampung.

Antara yang hadir ialah Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Ceramah seumpama itu akan dapat meningkatkan lagi ilmu pengetahuan muslimah-muslimah masjid dan masyarakat Islam di Daerah Belait serta sama-sama menyemarakkan lagi syiar Islam di negara ini.

Dua anak damit dilahirkan di Daerah Tutong

Oleh : Aryentty Haji Ariffin
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Selasa, 16 Julai. - Seramai dua anak damit di Daerah Tutong telah dilahirkan pada 15 Julai 2013 sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-67.

Anak damit pertama yang lahir pada tarikh istimewa tersebut adalah seorang anak perempuan yang lahir pada pukul 10.15 pagi seberat 3.115 kilogram (kg) merupakan anak kedua kepada pasangan Awang Mohd. Noh bin Mohd. Edham dan Dayang Nur Aqilah binti Abdullah Chong.

Manakala anak damit yang kedua pula ialah seorang anak lelaki yang lahir pada pukul 1.43 petang seberat 2.840 kg dan merupakan anak kedua kepada pasangan Awang Norazhadi bin Hassan dan Dayang Siti Norafidah binti Haji Sani.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Pentadbir Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB) Tutong, Awang Muhammad Danil bin Haji Othman dalam ucapan alu-aluannya semasa Majlis Penyampaian Cenderamata kepada anak-anak damit yang lahir pada 15 Julai 2013 sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan

Kebawah DYMM Ke-67 bagi Daerah Tutong yang berlangsung di Ruang Legar Hospital PMMPMHAMB, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Isteri Pegawai Daerah Tutong, Dayang Norafidah binti Ahad.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah yang dipimpin oleh Pengiran Radiman bin Pengiran Haji Tengah.

Sumbangan bagi anak-anak damit tersebut adalah berupa kerusi anak damit dan sijil daripada Jawatankuasa dan Tadbir Tertinggi Perayaan manakala sumbangan dari Tabung Amanah Islam Brunei

(TAIB) berupa Akaun Simanja sebanyak BND100 dan bungkusan hamper.

Majlis berkenaan dikendalikan bersama oleh Jabatan Daerah Tutong, Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Hospital PMMPMHAMB.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Orang Kaya Jaya Putera Dato Paduka Awang Haji Muhd. Taha bin Abd. Rauf, Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit, Yang Berhormat Orang Kaya Maha Bijaya Awang Haji Othman bin Uking, Pegawai Daerah Tutong, Awang Wardi bin Haji Mohd. Ali, Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Hussain dan isteri, Penghulu-penghulu dan isteri serta ketua-ketua kampung.



ISTERI Pegawai Daerah Tutong, Dayang Norafidah binti Ahad menyampaikan cenderamata bagi anak damit pasangan Dayang Nur Aqilah binti Abdullah Chong dan Awang Mohd. Noh bin Mohd. Edham.

Anak damit lahir 15 Julai terima cenderamata

KUALA BELAIT, Selasa, 16 Julai. - Dalam bulan Ramadan yang mubarak ini, empat anak damit telah dilahirkan di Daerah Belait sempena sambutan perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-67.

Anak-anak damit tersebut, dua lelaki dan dua perempuan dilahirkan secara normal pada 15 Julai di Hospital Suri Seri Begawan (SSB), di sini.

Sebagai penghargaan kepada ibu-ibu yang melahirkan anak-anak damit tersebut telah menerima cenderamata sumbangan daripada Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Hari Keputeraan Baginda dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

Cenderamata berupa barang keperluan anak damit daripada Ahli Jawatankuasa Kebangsaan Hari Keputeraan Baginda telah disampaikan oleh Isteri Pegawai Daerah Belait, Dayang Surayah binti Haji Mohd. Salleh.

Manakala cenderamata daripada TAIB berupa Akaun Si Manja sebanyak BND100 dan hamper disampaikan oleh Pengurus Kanan, Jabatan Audit Dalaman, Perbadanan TAIB, Dayang Hajah Raisah binti Pengarah Haji Buntar.

Setiap anak damit tersebut juga menerima gambar masing-masing sumbangan daripada Ahli Jawatankuasa Tertinggi Hari Keputeraan Baginda.

Anak damit pertama, seorang perempuan dengan berat badan 2.450 kilogram dilahirkan pada 12.46 pagi melalui pembedahan merupakan anak pertama bagi pasangan Nur Halimah Jaharah binti Muhd. Zaidani, 30, bekerja di salah sebuah syarikat

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli



PENGURUS Kanan, Jabatan Audit Dalaman, Perbadanan TAIB, Dayang Hajah Raisah binti Pengarah Haji Buntar menyampaikan cenderamata kepada pasangan Nur Halimah Jaharah binti Muhd. Zaidani dan Mohammad Kifli bin Haji Hamzah serta anak damit mereka.

swasta di Daerah Belait dan suami beliau, Mohammad Kifli bin Haji Hamzah, 27, tentera Batalion ke-2, Tutong Kem.

Sementara anak damit kedua yang dilahirkan pada 5.14 pagi juga seorang perempuan. Anak damit tersebut mempunyai berat badan 1.810 kilogram, anak kepada pasangan Liew Nyuk Fong, 34, bertugas di Syarikat SKSwood Sendirian Berhad dan suami, Phillip Chan, 35, bertugas di Syarikat BMC Metanol Sendirian Berhad.

Anak damit ketiga, seorang lelaki dilahirkan pada 6.46 pagi dan mempunyai berat badan 3.170 kilogram merupakan anak kedua bagi pasangan Roziah binti Ahmat, 30, Jururawat Hospital SSB dan suami, Mohammad Faizal bin Haji Awang Tamit, 33, bekerja sebagai Juru Teknik Syarikat Penerbangan Diraja Brunei.

Anak pertama mereka seorang perempuan kini berusia hampir dua tahun.

Manakala anak damit keempat juga lelaki, dilahirkan pada 12.17 petang dengan berat badan 3.550 kilogram merupakan anak kepada pasangan Dayang Maslindawani binti Talib, 36, Jururawat Hospital SSB dan suami, Md. Isfadillah bin Haji Md. Jaafar, 35, bertugas sebagai Pendidik di Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddin (SUPSBOAS), Kuala Belait.

Pasangan berkenaan telah dikurniakan tiga orang anak lelaki yang masing-masing berusia lapan, tujuh dan empat tahun dan kehadiran anak damit tersebut dalam keluarga mereka telah menambah keceriaan pasangan tersebut yang kini mempunyai empat orang anak lelaki.

'Makan Tahun' eratkan silaturahmi

Oleh : Hajah Norliha Haji Salleh

MUKIM SENGKURONG, Ahad, 7 Julai. - Pengendalian Majlis 'Makan Tahun' di Kampung Kulapis adalah berdasarkan kesepakatan dan idea beberapa orang individu yang ingin menghidupkan semula budaya masyarakat Kedayan yang kini semakin berkurangan.

Bagi meneruskan budaya itu, Ahli Jawatankuasa Majlis Makan Tahun Kampung Kulapis mengadakan majlis tersebut di kawasan salah sebuah rumah penduduk kampung berkenaan.

"Alhamdulillah, pada tahun ini Majlis Makan Tahun ini dapat kita ungkayahkan dan diselajurkan dengan Majlis Bertahlil, Doa Arwah dan Doa Selamat sekampung", jelas Pengerusi Majlis, Awang Haji Amat bin Haji

Anggas.

Menurutnya, majlis itu dapat mengeratkan silaturahmi sesama penduduk kampung, di samping menghidupkan budaya bergotong-royong, bekerjasama dan memucang-mucang dalam kalangan masyarakat kampung.

Dengan menghidupkan budaya ini tambahnya, secara tidak langsung akan membangkitkan kesedaran dan memberikan pengajaran mengenai budaya 'Makan Tahun' kepada para remaja dan belia kampung khususnya.

Majlis tersebut diselenggarakan oleh para penduduk kampung bersama Ahli Jawatankuasa dalam suasana penuh persefahaman dan harmoni.

Bacaan Tahlil, Doa Arwah dan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Ugama di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abd. Manaf bin Haji Abd. Rahman yang juga warga kampung tersebut.



SEBAHAGIAN daripada warga Kampung Kulapis yang hadir di Majlis Makan Tahun, Majlis Bertahlil, Doa Arwah dan Doa Selamat sekampung.

Ramadan Al-Mubarak

Keceriaan Ramadan Daerah Temburong

Rencana dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

SETELAH setahun berlalu, akhirnya bulan Ramadan yang penuh rahmah kini kembali. Ketibaan bulan penuh berkat itu disambut dengan penuh rasa syukur dan penuh kerianan oleh para penduduk beragama Islam di daerah ini. Sebaik saja mengetahui tarikh 1 haribulan Ramadan 1434 Hijriah, semua masjid, surau dan balai-balai ibadah di daerah ini dipenuhi dengan jemaah yang ingin menunaikan Solat Tarawih dan Witir yang hanya sunat dilakukan pada malam-malam di sepanjang bulan Ramadan.

Peluang untuk menambah pahala dengan meningkatkan amalan di bulan suci ini tidak dilepaskan begitu saja oleh penduduk beragama Islam di daerah ini yang telah lama menanti-nantikan ketibaan bulan penuh rahmat ini.

Bagi Daerah Temburong, tumpuan utama menunaikan solat-solat sunat tersebut adalah di Masjid Utama Mohammad Salleh, di Pekan Bangar yang mana sejurus selesai menunaikan solat sunat Tarawih dan Witir para jemaah akan terus memeriahkan malam-malam di bulan Ramadan dengan majlis-majlis bertadarus. Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan pahala berlipat ganda kepada umatnya yang melakukan amal ibadah suruhan-Nya di bulan Ramadan ini.

GERAI RAMADAN

Bermula 1 Ramadan lagi, Tamu Muhibbah, Aneka Selera, di Pekan Bangar sekali lagi dipenuhi dengan gerai-gerai Ramadan yang menjual pelbagai juadah pembuka selera untuk santapan ketika berbuka puasa. Menurut Pegawai Penguatkuasa, Bahagian Penguatkuasaan dan Perlesenan, Jabatan Daerah Temburong, Dayang Siti Noorazlini binti Haji Bujang, permohonan untuk mendapatkan gerai Ramadan

tahun ini meningkat berbanding tahun lepas di mana tahun ini sebanyak 49 permohonan telah diadapakan berbanding hanya 41 permohonan pada tahun 2012.

Dengan hanya dikenakan bayaran 10 ringgit, ujanja para peniaga digerei Ramadan dimestikan sentiasa menjaga kebersihan dan mendapatkan pemeriksaan kesihatan dari Jabatan Kesihatan. Selain itu katanya lagi para peniaga juga ditegah dari meninggalkan barang jualan ditempat jualan digerei masing-masing setelah waktu berniaga selesai.

Dalam pada itu para peniaga jelasnya disaran untuk tidak menggunakan botol-botol terpakai atau membungkus makanan menggunakan stapler dan hendaklah menutup dan membungkus makanan dengan sempurna. Selain itu Dayang Siti Noorazlini menyarankan kepada para peniaga agar sentiasa menjaga kesihatan serta kualiti makanan dan juga minuman daripada tercemar disamping menjaga kebersihan kawasan berniaga dan menjaga harta benda kerajaan sebaik mungkin.

Dengan adanya gerai-gerai Ramadan ini sudah setentunya akan dapat membantu menambah ekonomi para peniaga dan memberi peluang para penduduk di daerah ini untuk berbelanja di daerah ini selain memudahkan mereka untuk mendapatkan juadah untuk bersunghai.

TAHLIL DI TANAH PERKUBURAN

Sudah menjadi satu pemandangan yang lumrah bila tiba saja bulan Ramadan tanah-tanah perkuburan orang-orang Islam tidak pernah sunyi dengan majlis-majlis bertahlil dan doa arwah bagi mengenang orang-orang tersayang yang terlebih dahulu menemui Ilahi. Menziarahi



TANAH perkuburan orang-orang Islam tidak pernah sunyi dengan majlis-majlis bertahlil dan doa arwah di sepanjang bulan Ramadan ini bagi mengenang orang-orang tersayang yang terlebih dahulu menemui Ilahi.



MAJLIS-MAJLIS Bertadarus sering diadakan bagi merebut pahala berlipat ganda dan memeriahkan kedatangan bulan Ramadan.

tanah perkuburan juga selalunya diiringi dengan aktiviti membersihkan tanah perkuburan yang merupakan antara perkara berkebajikan yang bukan hanya dilakukan pada bulan Ramadan

malahan juga pada hari-hari biasa. Aktiviti-aktiviti sedemikian semenangnya disarankan dalam ugama Islam. Apa yang diharapkan kemunculan bulan Ramadan tahun ini akan terus memberi rahmat dan

sinar dalam kalangan umat Islam dan ketibaan bulan penuh berkat ini akan digunakan sepenuhnya dengan meningkatkan amal ibadah bagi mendapatkan ganjaran pahala berlipat ganda.



GERAI-GERAI Ramadan di Tamu Muhibbah, Aneka Selera, di Pekan Bangar menjadi pilihan untuk mendapat pelbagai juadah pembuka selera untuk santapan ketika berbuka puasa.

Cetusan Minda

Oleh:
Haji Mohd. Salleh
Abdul Latif,
Penerima Anugerah
Penulis Asia
Tenggara 1990
(The S.E.A.
Write Award 1990)



ZAMAN ini digenangi dengan multi krisis. Ya, minda kita seolah-olah didesak menerima apa adanya. Siapa saja boleh bercakap secara berdepanan waima anda di selatan benua, yang dilayan bercakap di utara benua. Tidak kisah.

Luahkan perasaan melalui orang siber. Atau boleh dikongsi bersama melalui WhatsApp. Sudahlah, apa yang terjadi kita harus terima buat apa kita bising-bising atau mengeluh. Lalu kita tawakal!

Tentu saja semua ini bukan dimaksud dengan istilah tawakal. Konsep tawakal itu akan terjadi setelah kita melewati proses usaha diiringi doa. Maknanya dalam kita bertindak jangan didasarkan kepada emosional semata-mata. Kita perlu berfikir secara rasional, dan ambil keputusan secara kerohanian.

Sikap tawakal tumbuh ketika seseorang menyadari kelemahan dan kekurangan keterbatasan dan ketidak-sempurnaanya. Sehingga dia perlu menyerahkan hidupnya kepada Allah.

Menurut Imam al-Ghazali, dengan sikap tawakal, seseorang yang beriman tentu memiliki keyakinan bahawa dia sentiasa berada dalam perlindungan Allah. Kepasrahan dan berserah diri kepada Allah memantapkan kepercayaan diri serta yakin dengan kemampuan maksimal yang dimiliki.

Allah yang menganugerahkan kemampuan kepada kita. Setiap usaha bagi mendapatkan kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan di Akhirat hendaklah menurut peraturannya. Susunannya ialah ikhtiar, istianah atau minta perlindungan dan tawakal.

Tawakal adalah yang terakhir, bukan awal atau sedang berproses. Ikhtiar adalah cermin dari pengamalan ilmu pengalaman dan keterampilan.

Istianah atau minta perlindungan cermin dari ketidakupayaan kita dalam menentukan hasil akhir.

Manakala, tawakal adalah kepasrahan diri untuk menerima apa hasil akhir, atau keputusan Allah. Mari kita renung Surah At-Talaq ayat 3 yang maksudnya kira-kira :

“Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya Allah telah pun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.”

Ini yang membuatkan orang yang bertawakal menjadi amat tekun dalam mengamalkan ibadah untuk mendapat rahmat Allah. Tawakal menjadikan seseorang mempunyai sikap mulia apabila mengetahui hasil usahanya. Jika berjaya dia bersyukur, jika gagal tidak menjadikannya berputus asa.

Gerakan, tindakan dan fikiran harus positif. Ketiga-tiga ini mesti menyokong antara satu sama

Jangan sekadar cakap, tidak bikin

yang lain. Nah, ketika kita boleh memusatkan tiga kekuatan ini dalam satu titik maka titik itu adalah keyakinan.

Jadi, kunci yang utama ialah keimanan. Itu yang menjadi kekuatan kita untuk boleh berubah secara baik. Mari kita ramas telinga kita. Mari kita buka mata kita. Mari kita perkuat kepekaan kita.

Nah, ada orang yang peka tetapi tiada berinisiatif. Semua diserahkan kepada takdir dan keadaan. Ada orang berinisiatif tetapi tidak didorong oleh kepekaan. Orang yang peka dan berinisiatif ialah tahu bila harus bertindak dan bila pula harus berdiam diri.

Jadi untuk mengimbangkan yakni peka dan inisiatif, kita perlu kepada daya institusi kita sendiri.

Mari kita renungi rangkap-rangkap 'Syair Laila Jenaka' yang dimuatkan dalam buku 'Rampai Laila Syair' karangan Muda Omar 'Ali Saifuddin terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam, cetakan ketiga, 2008, madahnya :

*Wahai dikasih dikebaikan
Wahai disayang berkebajikan
Wahai jujur berbaik-baik
Laila hati wahai kukuhkan.*

*Wahai tabah lailakan hati
Laila berlurus dengan seperti
Wahai benar lailakan mesti
Wahai usaha laila dipasti.*

*Wahai semangat hati kuatkan
Wahai hati semangat keraskan
Wahai ikhlas hati betulkan
Wahai murni laila katakan*

Benar, kita selalu terlupa, atau mungkin ingat-ingat lupa yang kita dianugerahkan oleh Allah satu pancaindera yang tersembunyi iaitu gerak hati. Apa sebenarnya gerak hati? Gerak hati adalah bisikan dari dalam hati sendiri, atau keyakinan yang disuarakan oleh hati sendiri, tanpa pengaruh orang lain.

Gerak hati dengan ikut hati adalah perkara yang berbeza. Gerak hati lain. Ikut hati lain.

Gerak hati adalah bisikan yang kita dengar semasa tersepit ataupun semasa bingung dalam membuat keputusan. Gerak hati membawa kesenangan.

Ikut hati pula bermakna menurutkan hati, selalunya semasa sedang marah dan dendam. Ikut hati membawa susah.

Begitulah juga antara teliti dengan cerewet. Dua patah yang berbeza. Cerewet menyakitkan hati, menyebabkan orang benci. Teliti pula menyebabkan orang hormat dan membawa kesenangan.

Jika anda tidak teliti, akhirnya anda terkena sendiri juga yang susah. Apabila kita teliti, bermakna kita sedang mencipta identiti yang memberi kesenangan kepada diri sendiri.

Akan terdengar kata-kata di belakang kita. “Dengan dia itu tidak boleh main-main. Dia sangat teliti.”

Lalu penulis teringat kepada bebetapa orang sahabat penulis yang gemar meluahkan kara :

“Hah, cakap tidak serupa bikin.”

Bagaimana jika kita ubah dengan ucapan “Bikin tidak serupa cakap”. Penulis ucapkan perkataan 'bikin' itu di depan atau didahulukan. Kenapa? Tidak akan terjadi apa-apa jika tidak ada 'bikin'.

Tetapi ya, “cakap dan bikin” atau “bikin dan cakap” tidak dapat diasingkan. Kerana jika hendak bahagia dan senang lebihkan bikin kurangkan cakap.

Nah, apa yang terjadi jika terlebih cakap? Jika terlebih cakap, akan terlebih bohong. Janganlah cipta atau tambah dosa setiap hari. Imej makin tercemar. Lalu terdengarlah keluhan: “Si pulan itu cakap saja lebih, tapi....(anda ucapkan sendiri).”

Mereka yang terlampau banyak cakap, mahu syiok sendiri, kepercayaan kita terhadapnya semakin hilang. Hormat kita pun pupus. “Aduhai, cakap dia itu langsung tidak boleh dipercayai!” Menyusahkan diri sendiri jika tiada orang mahu percaya. Rasa hormat, apatah lagi.

Lalu penulis teringat cakap kawan semasa santai-santai di kedai kopi ada berkata : “Apa halnya jika apa yang dibikin tidak seperti yang dicakap?”

Penulis terpenggil untuk menurunkan pendapat pakar-pakar motivasi tentang hal ini. Tiga akibat akan timbul jika apa yang dilakukan atau bikin tidak seperti yang dilaungjarmgkan atau cakap, iaitu :

Pertama, bukan sahaja orang hilang kepercayaan, malah diri sendiri akhirnya kurang percaya pada diri sendiri. Setiap kali hendak buat sesuatu tentu timbul tanda tanya : “Bolehkah aku bikin? Cakap bolehlah, buat berat sedikit.”

Kedua makin menjadi pemalas. Lebih banyak bercakap daripada bertindak ketika diri sendiri menyedari apa yang dibikin tidak sama apa yang dicakap.

Ketiga, makin selesa dengan cakap (tentunya bertambah bohong) kerana sangsi apa yang dibuat berlainan daripada apa yang dikehendaki. “Lain jadinya.”

Nah, jangan amalkan bikin tidak serupa cakap. Dan cakap tidak serupa bikin. Kesusahan yang didapat, bukan kesenangan. Sejarah membuktikan begitu. Tau-tau sajalah.

“Lalu bagaimana mengatasi sikap ini?” tanya sahabat. Mungkin di kalangan sanak saudara kawan-kawan, rakan sepejabat kita masih gemar mengamalkan tabiat cakap tidak serupa bikin ini.

Pakar motivasi memberi cadangan berikut : Kurangkan bercakap, lebih bertindak.

Jangan bercakap besar, takbur, melebihi-lebih. Takut-takut, bila dibikin tidak sama dengan apa yang dicakap.

Benar, boleh lebih cakap asalkan lebih buat. Tetapi ini tidak digalakkan. Cakap dan bikin mesti seimbang. Jika tidak seimbang, elok jangan lebih cakap.

Tidak harus diuar-uarkan. Bikin dulu baru cakap. Publisiti murahan pada pemulaan akan membimbangkan diri untuk membuatnya.

Dalam segala urusan harian, lebihkan bikin daripada cakap. Kan elok amalkan “diam-diam ubi biar berisi.” Janganlah “telur sebiji riuh sekampung” alau “diam-diam besi berkarat.”

Jangan main kata atau cakap, jika belum terbukti. Buktikan dulu baru boleh cakap. Bikin dulu baru boleh kurapak. Zaman sekarang yang multi-krisis ini, sernua mahu bukti. Tidak cukup dengan bukti mulut atau cakap sahaja benar dan memang benar, cakap adalah percuma. Kerana ia percuma maka orang ptn gemar cakap sia-sia. Banyak cakap tapi tidak berguna Banyak cakap tapi dusta Banyak cakap, tutup kelemahan diri sendiri.

Maaf cakap! Orang yang tidak pernah sampai ke matlamat adalah orang yang lebih cakap, terlebih cakap, terlebih angan-angan, terlebih Mat Jenin. Ya semuanya terlebih-lebih. Terlebih cakap menyebabkan tidak berani meneruskan pekerjaan. Dan takut meneruskan sering kali

BILANGAN 98

TENTU saja semua ini bukan dimaksud dengan istilah tawakal.

Konsep tawakal itu akan terjadi setelah kita melewati proses usaha diiringi doa.

Maknanya dalam kita bertindak jangan didasarkan kepada emosional semata-mata.

Kita perlu berfikir secara rasional, dan ambil kepuhrsan secara kerohanian.

menyebabkan terlebih cakap bagi menutup kelemahan.

Memang tidak elok pun, cakap sana cakap sini tetapi tidak menjadi. Mari kita hayati rangkap-rangkap “Syair Laila Jenaka” karya Muda Omar 'Ali Saifuddin n ini:

*Wahai akal tajam-tajamkan
Wahai fikiran waras-waraskan
Wahai makamur subur-suburkan
Wahai aman ke kal-kekalkan.*

*Kalau kebajikan dijadikan teladan
Kalau yang baik laila padan
Harum semerbak kemenyan ladan
Baharu terpelihara Kawasan sempadan.*

Nah hubaya-hubaya, kita semua perlu kembali belajar. Ya, belajar. Pelajaran datang daripada berbagai-bagai sudut. Sering juga kita belajar daripada orang yang rendah kelulusannya tetapi tinggi pengalamannya.

Belajar itu tidak semestinya di sekolah. Tidak semestinya di kolej. Tidak semestinya di universiti. Tidak semestinya di pejabat. Tidak semestinya di masjid. Pelajaran itu boleh didapat daripada pelbagai sudut.

Peluang belajar tersedia berlambak-lambak. Dari sahabat-sahabat, sanak saudara kawan-kawan, persekitaran, haiwan dan dari alam. Dari suratkhbar dan televisyen. Dari internet. Dari Facebook. Ya, dari maya siber.

Malah pengajaran boleh didapat dari cakap tidak serupa bikin dan dari bikin tidak serupa cakap! Didiklah diri kepada perkara-perkara kebaikan. Tingkatkan perbuatan yang berkebajikan.

Hubaya-hubaya jika kita benci kepada orang yang suka menunjuk-nunjuk, sebenarnya, orang juga benci jika kita menunjuk-nunjuk. Awas!

Banyak cakap, tunjuk pandai. Ingatlah, orang keliling kita dengan senang dapat menilai sama ada anda menunjuk atau sebaliknya.

Jangan sangka orang sekeliling kita bodoh dan kita sahaja yang lebih baik dari orang lain. Jauh panggang dari api. Benar, zaman dulu tahun 50-an membawa awal 70-an di tanah air kita ini mencari orang pandai begitu payah.

Tetapi apa? Di zaman yang digenangi dengan multi-krisis, yakni era globalisasi, sudah terbalik. Semuanya pintar-pintar! Lalu mencari orang yang paloi pula tambah susah. Mana ada orang paloi! Sepaloi-paloi orang pun sudah boleh bezakan antara telefon bimbit dengan telefon rumah.

Maknanya mari kita periksa diri sendiri secara jujur. Periksa dan perbaiki diri sendiri. Mereka yang suka menghitung-hitung kebaikan dirinya sendiri mudah bersikap sombong. Jika pun tidak suka kepada seseorang berpada-pada sajalah. Nanti, sendiri yang kena Menepuk air di dulang, terpercik muka sendiri! Jangan, sekadar cakap, tidak bikin! SEKIAN.

“DAN (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendaki-Nya Allah telahpun menentuknn kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu.”



MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di Akhirat.

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah menjadikan kita sebagai umat Islam yang dikurniakan Al-Qur'an Al-Karim sebagai suluh dan petunjuk ke jalan yang lurus.

Beberapa hari lagi kita akan meraikan sambutan sempena memperingati Nuzul Al-Qur'an iaitu dengan mengadakan majlis keagamaan seperti ceramah-ceramah, Majlis Ilmu, pertandingan menghafaz Al-Qur'an dan sebagainya.

Sepertimana yang kita maklum bahawa Nuzul Al-Qur'an itu ialah Al-Qur'an yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dari Luh Mahfuz ke langit dunia, yang kemudian diturunkan kepada Nabi Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui perantaraan malaikat Jibril Alaihisalam secara berperingkat-peringkat mengikut keadaan dan keperluan selama 23 tahun iaitu 13 tahun di Mekah dan 10 tahun di Madinah sehinggalah terhimpun sebanyak 30 juzuk. Firman Allah Subhanahu Wata'ala Al-Qiyamah ayat 17 - 18 :

Tafsir-Nya : *“Sesungguhnya kamulah yang berkuasa mengumpulkan Al-Qur'an dalam dadamu, dan menetapkan bacaan pada lidahmu. Oleh itu, apabila kamu telah menyempurnakan bacaan kepadamu perantaraan Jibrail, maka bacalah menurut bacaan itu.”*

Al-Qur'an Al-Karim ialah mukjizat agung Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang ditinggalkan untuk umat Islam sebagai panduan hidup sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

Nuzul Al-Qur'an

Maksudnya : *“Dari Ibnu Abas Radiallahuan-huma, sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Sesungguhnya aku telah meninggalkan untuk kamu dua perkara, barang siapa berpegang teguh dengan-Nya ia tidak akan sesat selama-lamanya iaitu Al-Qur'an sunnah Nabi-Nya.”*

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 185 :

Tafsir-Nya : *“Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada bulan Ramadan yang diturunkan padanya Al-Qur'an sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dan yang salah.”*

Dari ayat dan hadith tersebut jelas menunjukkan bahawa kitab suci Al-Qur'an Al-Karim adalah bertujuan untuk membawa manusia ke jalan yang lurus dan benar di mana kesucian dan kebenarannya tetap terpelihara hingga ke hari kiamat sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surat Al-Hijr ayat 9 :

Tafsir-Nya : *“Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Qur'an dan sesungguhnya Kami benar-benar memeliharanya daripada perubahan, penyelewengan, penambahan dan pengurangan.”*

Ketahuilah bahawa bagi orang-orang yang melazimkan diri dengan membaca Al-Qur'an itu bagi kelebihanannya, antaranya :

Pertama : Membaca Al-Qur'an adalah semulia-mulia ibadah (ibadat yang bukan wajib).

Kedua : Barang siapa yang membaca satu huruf daripada Al-Qur'an, dan satu kebaikan itu menyamai dengan sepuluh pahala.

Ketiga : Sesiapa yang mendengar satu ayat daripada kitab Allah, dituliskan baginya satu kebaikan yang berlipat ganda, barangsiapa yang membacanya, ia akan menjadi cahaya baginya di Hari Kiamat.

Al-Qur'an Al-Karim adalah wahyu Allah Subhanahu Wata'ala yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Di dalamnya mengandungi pengajaran dan panduan bagi kehidupan di dunia dan di Akhirat. Oleh kerana itu, setiap individu Islam mestilah mengambil langkah ke arah bagaimana untuk pandai membaca dan seterusnya mengetahui akan isi kandungan dan ajaran Al-Qur'an itu. Caranya tidak lain dan tidak bukan melainkan dengan cara belajar Al-Qur'an. Belajar yang dimaksudkan sekurang-kurangnya ialah boleh membaca dan yang lebih daripada itu boleh memahami dan mentafsir isi kandungannya. Dengan jalan ini adalah diyakini ajaran yang terkandung di dalamnya akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk kesejahteraan umat Islam.

Dalam hal ini, kewajipan setiap individu Islam pada peringkat yang paling asas ialah mereka mesti belajar sehingga pandai dan boleh membaca Al-Qur'an. Kerana menurut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebab itu orang Islam tidak boleh tidak mesti pandai membaca Al-Qur'an atau jadi ahli Al-Qur'an kerana jika tidak mereka akan kehilangan seluruh berkuasa luar biasa ini. Cara untuk pandai ini, tidak lain mesti dengan belajar. Kalau tidak belajar, akan punahlah harapan untuk jadi ahli Al-Qur'an itu.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam:

Maksudnya : *“Dari Othman Radiallahuanhu,*

daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: sebaik-baik manusia di antara kamu ialah yang mempelajari Al-Qur'an dan mengajarkannya.”

Pada zaman sekarang ini, kita boleh membuat turun aplikasi Al-Qur'an dengan mudah seperti di telefon-telefon bimbit dan lain-lain. Apa yang penting bagi kita ialah untuk memastikan supaya aplikasi yang dimuat turun itu benar-benar sahih dan tidak menyeleweng, kerana ditakuti berlakunya penyelewengan dalam aplikasi tersebut oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Begitu juga, dalam memperelajari Al-Qur'an dan ilmu-ilmunya hendaklah berguru kepada yang mahir dan ahli dalam bidang Al-Qur'an, bukannya belajar melalui aplikasi tersebut semata-mata.

Oleh yang demikian wahai kaum Muslimin, bersempena Nuzul Al-Qur'an, marilah kita mempertingkatkan amal ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperbanyakkan membaca Al-Qur'an dengan penuh rasa keimanan dan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan semoga mendapat ganjaran pahala yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amiin Ya Rabbal Alamiin.

Surah Ad-Dukhaan :

Tafsir-Nya : *“Khatam. Demi Al-Qur'an! Kitab yang menerangkan kebenaran. Sesungguhnya kami telah menurunkan Al-Qur'an itu pada malam yang berkat, kami berbuat demikian kerana sesungguhnya kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (jangan hamba-hamba kami ditimpa azab). Kami menurunkan Al-Qur'an pada malam tersebut, kerana pada malam yang berkat itu, dijelaskan kepada Malaikat tiap-tiap perkara yang mengandungi hikmat serta tetap berlaku, (tidak berubah atau bertukar).”*

وقت سمبهيڠ داعيره بروني موارا دان تمپوروغ ، امساك ، شوروق دان ضحي										
وقت سمبهيڠ ، امساك ، شوروق دان ضحي باغي داعيره بروني موارا دري هاري سبتو 20 جولي 2013 برسامان دغن 11 رمضان 1434 هيفڠ كهاري جمعة 26 جولي 2013 برسامان 17 رمضان 1434 اداله سقرت دباوه اين :										
عشاء	مغرب	عصر	ظهر	ضحى	شوروق	صبح	امساك	هجريه رمضان	هاري	مسيحي جولي
7 . 52	6 . 38	3 . 52	12 . 28	6 . 40	6 . 15	4 . 53	4 . 43	11	سبتو	20
7 . 52	6 . 38	3 . 52	12 . 28	6 . 40	6 . 15	4 . 53	4 . 43	12	احد	21
7 . 52	6 . 38	3 . 51	12 . 28	6 . 40	6 . 15	4 . 54	4 . 44	13	اثنين	22
7 . 52	6 . 38	3 . 51	12 . 28	6 . 40	6 . 16	4 . 54	4 . 44	14	ثلاث	23
7 . 52	6 . 38	3 . 51	12 . 28	6 . 40	6 . 16	4 . 54	4 . 44	15	رابعو	24
7 . 52	6 . 38	3 . 51	12 . 28	6 . 40	6 . 16	4 . 54	4 . 44	16	خميس	25
7 . 51	6 . 38	3 . 51	12 . 28	6 . 40	6 . 16	4 . 54	4 . 44	17	جمعة	26
وقت ٢ سمبهيڠ باغي داعيره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان داعيره بلايت دتمبه تيك مينيت دان سمبهيڠ فرض جمعة دسوروه نڠارا بروني دارالسلام دمولاوي دري قوكول 12.45 تغه هاري										

15 peserta tamat Program Titian Iman

BERAKAS, Jumaat, 28 Jun. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) mengadakan Majlis Penutup Program Titian Iman Bagi Saudara Baru ABDB Tahun 2012-2013 Masihi anjuran Jabatan Agama ABDB yang berlangsung di Surau Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi penyampaian sijil kepada para peserta program ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Sehubungan itu, dalam ucapan tetamu kehormat antara lain menyeru kepada peserta kursus agar tidak

merasa sebarang kekurangan kerana saudara baru amat beruntung dengan menerima pancaran cahaya Islam yang berbeza dari orang yang beragama Islam sejak dari lahirnya.

Sementara itu, majlis penutup tersebut dimeriahkan dengan beberapa persembahan dari para peserta program yang memperdengarkan bacaan surah-surah lazim Al-Qur'an serta bacaan tahiyat akhir yang mana kesemua bacaan tersebut adalah bacaan asas yang perlu dibaca khususnya bagi saudara-saudara baru terutamanya dalam mendirikan solat.

Program yang disertai oleh 15 peserta itu diadakan selama lima hari bermula 24 hingga 28 Jun dan bertujuan untuk memberikan



SESI bergambar ramai tetamu kehormat bersama para peserta Program Titian Iman bagi saudara Baru Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Tahun 2012-2013.

kesedaran serta pendedahan asas Islam khususnya akidah dan ibadah

terhadap saudara baru ABDB, di samping didedahkan dengan siri

lawatan ke Jabatan Mufti Kerajaan dan Pusat Da'wah Islamiah.

Berangkat tunaikan Sembahyang Fardu Jumaat Pertama di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

Dari muka 1

Kebawah DYMM bersama paduka-paduka anakanda baginda seterusnya bersama-sama jemaah masjid menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat yang diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Sebelum itu Khutbah Jumaat Khas telah dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim yang antara lain mengingatkan bahawa masjid adalah rumah Allah di muka bumi.

Yang Berhormat menjelaskan, masjid merupakan tempat yang suci di mana umat Islam mengabdikan diri kepada Allah bagi mengerjakan ibadat semata-mata sementara ia juga lambang keagungan agama Islam dan tanda perpaduan umat Islam.

Tambahnya, di negara ini masjid, surau dan balai-balai ibadat telah banyak dibangunkan dengan menyediakan pelbagai kemudahan semata-mata untuk kesejahteraan umat Islam di negara ini melakukan ibadat.

"Ini menandakan semakin meningkat keperluan kepada ruang-ruang tempat beribadat sekali gus menjadi pusat-pusat kemasyarakatan yang digunakan dengan sebaik-baiknya dan memberikan perkhidmatan yang sewajarnya dalam hal suka duka

masyarakat," jelas Yang Berhormat.

Selain itu menurut Yang Berhormat, selaku rakyat di negara ini kita amat bersyukur dan berbangga kerana negara kita mempunyai masjid-masjid yang menjadi lambang ketinggian syiar Islam di Negara Brunei Darussalam.

"Oleh itu kita selaku umat Islam adalah bertanggungjawab untuk memakmurkannya dengan melazimkan diri kita untuk beribadat kepada Allah dan juga mengikuti majlis-majlis keagamaan yang diadakan," tegas Yang Berhormat.

Sebelum berangkat balik Kebawah DYMM dan anakanda-anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah dari para jemaah.

Pembinaan Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah telah bermula pada bulan Mac 2011 dan siap sepenuhnya tahun ini di bawah Projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007-2012 dengan kos hampir BND3.2 juta.

Kapasiti masjid boleh menampung lebih kurang 1,000 jemaah, antara kemudahan yang disediakan ialah dewan sembahyang lelaki dan wanita, bilik pegawai hal ehwal masjid, bilik serbaguna, bilik tetamu khas, bilik perpustakaan dan IT, bilik kuliah, bilik PA Sistem, stor, bilik pengurusan jenazah, dapur, bilik air tempat berwuduk yang berasingan bagi jemaah lelaki dan wanita.

Di kawasan masjid disediakan ruang letak kereta yang boleh memuatkan hampir 100 buah kereta dengan mempunyai dua pintu masuk keluar bagi memudahkan pergerakan keluar masuk kenderaan.

KEBAWAH DYMM dan putera-putera baginda khusus mendengarkan Khutbah Jumaat Khas yang dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim. (kiri).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera-putera baginda berkenan menerima junjung ziarah sejeurus tiba di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar.



MASJIDA Rashidah Sa'adatul Bolkiah yang boleh menampung seramai 1,000 orang jemaah, mula di bina pada hulan Mac tahun 2011 dan siap sepenuhnya pada tahun ini, iaitu di bawah Projek Rancangan Kemajuan Negara (RKN) 2007 - 2012 dengan kos perbelanjaan BND 3.2 juta.



BAGINDA bersama putera-putera baginda dan para jemaah masjid mendengarkan Khutbah Jumaat Khas yang dibacakan, yang antara lain mengingatkan bahawa masjid adalah rumah Allah di muka bumi iaitu tempat suci di mana umat Islam mengabdikan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



BAGINDA dan putera-putera baginda dan para jemaah masjid yang lain menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat Petama di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.



IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 38(B)
DARIPADA PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT),
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM

IKLAN ADALAH KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DALAM PERKHIDMATAN AWAM, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

IKLAN MENURUT PERATURAN 38(b) IAITU KHUSUS BAGI PEMOHON DARI KALANGAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT
DI KEMENTERIAN ATAU JABATAN DI MANA KEKOSONGAN JAWATAN DIKLANKAN

PERATURAN 38 (b)

Syarat-Syarat Am :

- PEMOHON adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.
- Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang PEMBERITAHUAN.

1. KETUA PEGAWAI SAINTIFIK (KAJI KUMAN) JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL KEMENTERIAN KESIHATAN M.15 (\$3,890 - \$4,220 SEBULAN) KEKOSONGAN : SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

- Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang berkaitan dengan Makmal Klinik atau bidang bersesuaian.
 - Sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Pegawai Saintifik Kanan atau Pegawai Saintifik atau jawatan sebanding dalam tanggunggaji M.14/M.13 atau tanggunggaji sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

 - Bagi yang tidak mempunyai Ijazah, hendaklah sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam bidang Sains dalam tanggunggaji M.11 atau tanggunggaji sebanding tidak kurang dari 8 tahun.
- Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

2. AHLI KIMIA UBAT KANAN JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI KEMENTERIAN KESIHATAN M.14-15 (\$3,260 - \$4,220 SEBULAN) KEKOSONGAN : SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

- Ijazah Sarjana Muda Sains atau sebanding dalam bidang Farmasi atau bidang bersesuaian.
 - Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Ahli Kimia Ubat atau jawatan sebanding dalam tanggunggaji M.13 atau tanggunggaji sebanding tidak kurang dari 3 tahun.
- Hendaklah berdaftar dengan Perbadanan Ahli Kimia Ubat yang diiktiraf seperti United Kingdom, Malaysia, Singapura, Australia, New Zealand dan USA.
- Hendaklah bersedia untuk mengikuti latihan-latihan dan kursus-kursus yang berkaitan dengan perkembangan dibidang farmasi dari semasa ke semasa.
- Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

3. PEGAWAI PENJAGA ZAT MAKANAN KANAN KEMENTERIAN KESIHATAN M.14 EB.15 (\$3,260 - \$4,220 SEBULAN) KEKOSONGAN : SATU (1)

KELAYAKAN MINIMUM:

- Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Dietetics* dan *Nutrition* / *Dietetics* / *Nutrition* atau bidang bersesuaian.
- Sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan sebagai Pegawai Penjaga Zat Makanan atau jawatan sebanding dalam tanggunggaji M.13 atau tanggunggaji sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

- Mempunyai pengalaman dalam kategori berikut:
 - Pengalaman Klinikal (*Clinical Practice*)
 - Penilaian (*Evaluation*)
 - Mendidik / Mengajar (*Teaching*)
 - Perkembangan Klinikal / Perkhidmatan (*Practice / Service Development*)
- Mempunyai keahlian dengan Badan-Badan Profesional Antarabangsa adalah kelebihan.
- Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

4. PEMBANTU PERGIGIAN KANAN JABATAN PERKHIDMATAN PERGIGIAN KEMENTERIAN KESIHATAN M.4 EB.5 (\$930 - \$1,490 SEBULAN) KEKOSONGAN : DUA (2)

KELAYAKAN MINIMUM:

- BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Sains atau bidang bersesuaian.

ATAU

 - Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Pembantu Pergigian dalam tanggunggaji M.3 EB.4 atau tanggunggaji sebanding tidak kurang dari 3 tahun.
- Mempunyai Sijil Pembantu Pergigian dari dalam atau luar negeri yang diiktiraf.
- Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan atau disepanjang perkhidmatannya bagi yang belum mencapai tempoh perkhidmatan selama 3 tahun.

PERINGATAN:

- Bagi iklan jawatan bilangan **1 hingga 4** adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di semua Jabatan di bawah Kementerian Kesihatan.**
- Tarikh Iklan: **20 Julai, 2013.**
- Tarikh Tutup Permohonan: **15 Ogos, 2013.**
- Tempat Menghantar Borang Permohonan: **PENGARAH PENTADBIRAN DAN KEWANGAN, JABATAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN, KEMENTERIAN KESIHATAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
- Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam **BILANGAN IKLAN: 37/2013.**

5. GURU UGAMA TERLATIH TINGKAT KHAS JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA G.5 (\$1,485 - \$2,155 SEBULAN) KEKOSONGAN : DUA PULUH SATU (21)

KELAYAKAN MINIMUM:

- Diploma Perguruan Agama atau sebanding dalam bidang Pengajian Islam atau bidang bersesuaian serta mempunyai pengalaman kerja yang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

 - Mempunyai Diploma / Sijil Pendidikan / Sijil Perguruan.
 - Sedang berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Agama sebagai Guru Agama Terlatih dalam tanggunggaji G.2 tidak kurang dari 5 tahun atau dalam tanggunggaji G.1 tidak kurang dari 7 tahun.
- Mempunyai pengalaman menjadi Guru Besar / Guru Kanan di Sekolah-Sekolah Agama / Ketua Guru Agama dalam satu mata pelajaran agama atau sebagai tenaga pengajar di sekolah-sekolah Arab atau sepenuh masa di Pejabat adalah keutamaan.
- Mempunyai Sijil Pengurusan Pentadbiran dan Pendidikan yang diiktiraf adalah kelebihan.
- Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

PERINGATAN:

- Bagi iklan jawatan bilangan **5** adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di semua Jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Agama.**
- Tarikh Iklan: **20 Julai, 2013.**
- Tarikh Tutup Permohonan: **17 Ogos, 2013.**
- Tempat Menghantar Borang Permohonan: **PENGARAH PENTADBIRAN, JABATAN PENTADBIRAN, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**
- Bagi keterangan lanjut, sila rujuk Surat Pemberitahuan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam **BILANGAN IKLAN: 38/2013.**

6. PENGAWAL KESELAMATAN TINGKATAN II JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI JABATAN PERDANA MENTERI D.1-2-3 EB.4-5 (\$530 - \$1,625 SEBULAN) KEKOSONGAN : LIMA (5)

KELAYAKAN MINIMUM:

- 4 Kepujian/Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat Biasa atau kelulusan sebanding.

ATAU

 - Sedang berkhidmat di Jabatan Keselamatan Dalam Negeri sebagai Pengawal Keselamatan Tingkat III tidak kurang dari 5 tahun dan telahpun lulus peperiksaan Jabatan.

ATAU

JADUAL UJIAN BERTULIS PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JADUAL BAGI BULAN OGOS 2013

BIL	JAWATAN/ TANGGAGAJI/ BIL. RUJUKAN IKLAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP IKLAN	KEMENTERIAN/ JABATAN (KEKOSONGAN)	UJIAN				RAMAI CALON
					TARIKH (HARI)	JAM	TEMPAT	BILANGAN INDEKS	
1	Penyelenggara Stor Tingkat I D.4 EB.5 2013/0034/06	7(a)	03.04.2013	Jabatan-Jabatan Kerajaan (4)	01.08.2013 (Khamis)	09.00 Pagi	Dewan SPA, Tingkat 2	0001-0127	127
2	Pegawai Pelajaran Kanan G.15 2013/0035/01	38(B)	22.04.2013	Jabatan Sekolah- Sekolah (28)		10.15 Pagi		0001-0139	139
3	Penerbit C.3-4 EB.5 2013/0029/03	7(a)	27.03.2013	Jabatan Radio dan Televisyen Brunei (1)	03.08.2013 (Sabtu)	09.00 Pagi		0001-0134	134



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**DEPARTMENT OF FISHERIES
MINISTRY OF INDUSTRY AND
PRIMARY RESOURCES**
invites
**(NATIONAL AND INTERNATIONAL
COMPETITIVE BIDDING)**

Brief Project Proposal:
Start Date : 16 JULY 2013
Finish Date : 27 AUGUST 2013

THE Department of Fisheries, Ministry of Industry and Primary Resources of Brunei Darussalam, invites eligible National and International Companies to develop a 200 hectare shrimp farm in Kampong Penyatang at Tutong District.

This invitation is open to local and international companies that have the

capability to develop and operate a marine shrimp farm at the said site.

**REQUIREMENTS TO APPLY FOR
THE AREA :**

Interested National and International companies meeting the following criteria may submit their Expression of Interest :

- BUSINESS PROPOSAL
- DESIGN AND DRAWINGS
- OPERATION MANUAL

SUBMISSION OF EOI

The EOI should be accompanied with Company profile, the name and correspondence details, name and short CVs (not exceeding three pages) of principal team members as well as their qualifications and experience,

ownership & organizational structure of the Company / partners in the consortium, brief approach to completing the project, Company's experience and track record on similar project, including photographs and reports of sample work and also highlighting the key challenges/considerations the Company anticipates while in the process of comprehensive designing and planning. Interested bidders may send their EOI, in an envelope clearly labeled "EOI To Develop And Operate The 200 Hectare Penyatang Shrimp Farm Industry Site At Telisai, Tutong District" to the Department of Fisheries, Ministry of Industry and Primary Resources at the address mentioned below **not later than 27 August 2013 before 2.00 pm.**

The Department of Fisheries reserves the right to accept or reject any application and to annul the process at any time, without any liability and assigning any reason thereof. Interested bidders are requested to either mail or fax their queries at the Department of Fisheries email/fax number as below for the

attention of the Director of Fisheries, by mentioning "EOI To Develop And Operate The 200 Hectare Penyatang Shrimp Farm Industry Site At Telisai, Tutong District". **No phone calls would be entertained.**

Only short-listed Companies will be notified and invited to tender in the next stage of selection process by obtaining the Tender Documents, upon payment of a non-refundable administration fee of **BS200.00 (Brunei Dollars Two Hundred Only)** in the form of a bank draft payable to Brunei Government.

For further information please contact:

Director of Fisheries,
Ministry of Industry and Primary Resources,
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan BS3910,
Negara Brunei Darussalam
Fax: +673-2382069
Website: <http://www.fisheries.gov.bn>
Email: bruneifisheries@brunet.bn



**JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**JABATAN PERANCANG BANDAR
DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

TAWARAN secara sebut harga adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Kerja-kerja yang ditawarkan secara sebut harga adalah:

- Bilangan Sebut Harga 3/2013/2014

Bagi Pembelian Desktop Komputer sebanyak 20 Buah

- Bilangan Sebut Harga 4/2013/2014

Bagi Pembelian Printer 20 Biji dan 20 Set Cartridge

- Bilangan Sebut Harga 5/2013/2014

Membersih Secara Berkala di Bangunan Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Cawangan Temburong

- Bilangan Sebut Harga 6/2013/2014

Kerja-kerja Pembekalan, Pendawaian dan

Pemasangan 2 Unit Hawa Dingin Jenis Split Unit (Wall Type) Jabatan Perancang Bandar dan Desa

Dokumen Sebut Harga serta keterangan lanjut boleh diperolehi di **Bahagian Pentadbiran (Tingkat 2), Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam.**

Sebut harga hendaklah dihantar dengan sampul surat yang berasingan mengikut kerja-kerja yang disertai. Sampul surat berkenaan hendaklah tertutup dengan tidak menunjukkan sebarang tanda syarikat dan pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk sebutharga kerja-kerja yang disertai.

Sebutharga hendaklah dihadapkan tidak lewat dari jam **12.00 tengah hari pada hari**

Khamis, 1 Ogos 2013 kepada alamat berikut:

**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
Tingkat 2, Jabatan Perancang Bandar
dan Desa
Lapangan Terbang Lama,
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam**

Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditentukan adalah tidak akan dilayan.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH
DI DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

**PERINTAH ACARA MAL
MAHKAMAH-MAHKAMAH
SYARIAH 2005
SAMAN GANTIAN
DALAM MAHKAMAH RENDAH
SYARIAH DI DAERAH BRUNEI DAN
MUARA DALAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Saman No. MRHS/MAL/BM 445
Tahun 1432 H / 2011M**

**ANTARA
AZMIE BIN MATSALEH
Plaintif / Pemohon**

DAN

**ALFIN NI'AMAH BINTI SADAKAH
Defendan / Responden**

**KEPADA : ALFIN NI'AMAH BINTI
SADAKAH
NO. PASSPORT : R 835114 (INDONESIA)
Beralamat : TIDAK DIKETAHUI**

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan Mahkamah Rendah Syariah di **Daerah Brunei dan Muara** pada **hari Rabu, bertarikh 31 Julai 2013 Masihi** pada **pukul 10.00 pagi** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh pemohon yang dinamakan di atas, bagi **Tuntutan Perceraian (Bab 42).**

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar di mahkamah pada hari dan ma sa yang ditetapkan, mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan **sila ambil perhatian** bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di mahkamah ini dan menyampaikan kepada plaintif suatu pembelaan dalam borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh pada :
27 Jamadilakhir 1434 Hijriah /
8 Mei 2013 Masihi
(METERAI)

**Mahkamah Rendah Syariah,
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam**



KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**URUSETIA JAWATANKUASA
KEBANGSAAN SAMBUTAN
PERAYAAN ULANG TAHUN
KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG
MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM YANG KE-67 TAHUN
BAGI TAHUN 2013**

Bilangan Tawaran : 33/U/KKR

Tawaran adalah dipelawa bagi membekal :

Bilangan : 33/U/KKR

Projek : TAWARAN BAGI MENCETAK,
MEMBEKAL, MENGEDAR DAN
MENJUAL KAIN RENTANG SEMPENA
SAMBUTAN PERAYAAN ULANG
TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN

**YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM YANG KE-67 TAHUN
BAGI TAHUN 2013**

Tarikh tawaran dibuka : **hari Sabtu,
20 Julai 2013, jam 9.00 pagi**

Tarikh tawaran ditutup : **hari Selasa,
30 Julai 2013, tidak lewat jam 2.00 petang**

Syarat-Syarat Kelayakan :

1. TAWARAN hendaklah dihadapkan kepada alamat dibawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran :

**Pengerusi Bersama
Kumpulan Kerja Kain Rentang,
Urusetia Jawatankuasa Kebangsaan
Sambutan Perayaan Ulang Tahun
Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei
Darussalam Ke-67 Tahun**

Bagi Tahun 2013,

**d/a Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Bahagian Kewangan,
Tingkat 1,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan BS8610,
Negara Brunei Darussalam**

**tidak lewat jam 2.00 petang pada
hari Selasa, 30 Julai 2013.**

2. Contoh kain rentang hendaklah dibubuh dengan tanda Syarikat Penendar dan diserahkan bersama Borang Tawaran **tidak lewat jam 2.00 petang pada hari Selasa, 30 Julai 2013.**

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup (sealed) dengan tajuk tawaran yang berkenaan tanpa menyatakan nama penendar dan dihantar

kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
5. Borang tawaran diperolehi dengan harga **\$15.00** satu set dari Urusetia Jawatankuasa Kebangsaan Sambutan Perayaan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Ke-67 Tahun bagi Tahun 2013.

**d/a : Bahagian Kewangan,
Tingkat 1,
Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan**

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

7. Kumpulan Kerja Kain Rentang Sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



DI DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN

KEBANKRAPAN NO. 192 TAHUN 2012

BAIDURI FINANCE BERHAD
... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
ZULAZRI BIN MOHAMMAD
(BYIC No. 00-280373)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **16 Mac 2013**.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
ZULAZRI BIN MOHAMMAD
No. 14, Simpang 24-11-22, RPN Pandan 'B',
Kuala Belait KA2131
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 28 Julai 2012

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **16 Mac 2013**.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **1 Ogos 2013, jam 10.30 pagi**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **1 Ogos 2013, jam 10.30 pagi**.
Bertarikh : 22 Jun 2013

KEBANKRAPAN NO. 40 TAHUN 2013

BIBD AT-TAMWIL BERHAD
... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
NARUDIN BIN HAJI AHMAD
(BYIC No. 00-282457)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **15 Jun 2013**.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
NARUDIN BIN HAJI AHMAD
No. 9, Simpang 326-36-4,
Kampung Perpindahan Serasa BT1728
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 27 April 2013

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **15 Jun 2013**.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **11 Julai 2013, jam 3.00 petang**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **11 Julai 2013, jam 3.00 petang**.
Bertarikh : 24 Jun 2013

KEBANKRAPAN NO. 158 TAHUN 2012

STANDARD CHARTERED BANK
... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
MAT KASSIM BIN HAJI MOHD. YUSSOF
(BYIC No. 00-056662)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **2 Mei 2013**.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
MAT KASSIM BIN HAJI MOHD. YUSSOF
No. 275, Kampung Buang Sakar,
Jalan Kasat BJ1924
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 26 Februari 2013

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **2 Mei 2013**.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **18 Julai 2013, jam 10.00 pagi**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **18 Julai 2013, jam 10.00 pagi**.
Bertarikh : 24 Jun 2013

KEBANKRAPAN NO. 613 TAHUN 2013

THE HSBC LIMITED
... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
PG. MOHD. HALIM SHAH BIN PG. DAMIT

(BYIC No. 00-257081)

... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **13 Jun 2013**.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
PG. MOHD. HALIM SHAH BIN PG. DAMIT
No. 5, Simpang 378-7, Jalan Subok,
Kampung Sungai Akar,
Berakas 'B', BC3915
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 24 Jun 2013

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **13 Jun 2013**.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **24 Julai 2013, jam 2.15 petang**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **24 Julai 2013, jam 2.15 petang**.
Bertarikh : 24 Jun 2013

KEBANKRAPAN NO. 557 TAHUN 2012

HSBC FINANCE (B) BERHAD
... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
ASLI BIN ALLI
(BYIC No. 00-058721)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **4 Mei 2013**.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
ASLI BIN ALLI
No. 12, Jalan Haji Gani Bukit Bendira,
Tutong TA1341
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 29 Januari 2013

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **4 Mei 2013**.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **25 Julai 2013, jam 11.00 pagi**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **25 Julai 2013, jam 11.00 pagi**.
Bertarikh : 15 Jun 2013

KEBANKRAPAN NO. 208 TAHUN 2012

BAIDURI BANK BERHAD
... Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen
Vs
IBRAHIM BIN HAJI RAMLE
(BYIC No. 00-123943)
... Penghutang Penghakiman/Penentang

NOTIS PERINTAH PENERIMAAN

Sila ambil perhatian bahawa :
a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **7 Mac 2013**.
Nama dan alamat terakhir diketahui :
IBRAHIM BIN HAJI RAMLE
No. 23, Jalan 11, Simpang 145,
Kampung Perpindahan Lambak Kanan
BC2915
Negara Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen : 8 Ogos 2012

NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **7 Mac 2013**.
Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **24 Julai 2013, jam 11.00 pagi**.
Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **24 Julai 2013, jam 11.00 pagi**.
Bertarikh : 15 Jun 2013

Semua Si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadap borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

JADUAL UJIAN BERTULIS PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM SAMBUNGAN JADUAL BAGI BULAN JULAI 2013

BIL	JAWATAN/ TANGGAGAJI/ BIL. RUJUKAN IKLAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP IKLAN	KEMENTERIAN/ JABATAN (KEKOSONGAN)	UJIAN				RAMAI CALON
					TARIKH (HARI)	JAM	TEMPAT	BILANGAN INDEKS	
12	Juruteknik Ternakan D.1-2-3 EB.4-5 2013/0008/02	7(A)	06.02.2013	Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (1)	25.07.2013 (Khamis)	09.00 Pagi	Dewan SPA Tingkat 2	0001-0252	252
13	Pengawas Kecil Kompleks Perikanan D.1-2 EB.3 20130023/04		13.03.2013	Jabatan Perikanan (1)		10.15 Pagi		0001-0056	56
14	Penolong Penerbit Tingkat II D.1-2-3 EB.4-5 2013/0008/03		06.02.2013	Jabatan Radio dan Televisyen Brunei (2)	31.07.2013 (Rabu)	09.00 Pagi		0001-0238	238
15	Pemain Muziik D.3-4 EB.5 2012/0151/03		02.01.2013	Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (5)		10.15 Pagi		0001-0183	183

Kuliah Tafsir beri kefahaman masyarakat Islam kandungan Al-Qur'an

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Julai. - Al-Qur'an adalah mukjizat terbesar yang dikurniakan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, manakala ulama-ulama tafsir berperanan menghuraikan penjelasan mengenai ayat-ayat yang diturunkan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Masjid Kampung Lambak, Berakas di sini mengadakan Kuliah Tafsir bagi malam kedua setelah kuliah pertama diadakan di masjid yang sama.

Terdahulu, acara dimulakan dengan

menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan setelah itu Siri Kuliah Tafsir Mempelajari Petunjuk Al-Qur'an disampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Seruddin.

Antara yang hadir di majlis tersebut Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh; Pegawai-pegawai Kerajaan; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Kumpulan-kumpulan Belia Masjid serta para jemaah masjid dan penduduk kampung yang tinggal di sekitarnya.

Adapun kuliah sebegini diadakan di masjid kerana masjid merupakan 'Pusat Tafsir' yang berperanan untuk menyusun dan memberigakan penghayatan Al-Qur'an melalui kuliah-kuliah tafsir sebagai ilmu tambahan kepada masyarakat bagi menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara kita sebagai sebuah 'Negara Zikir'.

Kuliah seumpama ini merupakan wadah untuk menarik masyarakat agar mencintai majlis-majlis ilmu dan bagi menghidupkan lagi syiar Islam melalui kuliah/ceramah di masjid-masjid.

Semoga dengan adanya kuliah seumpama ini akan dapat memberikan kefahaman masyarakat Islam tentang isi kandungan dan penghayatan Al-Qur'an.



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Muhammad Zain bin Haji Serudin semasa menyampaikan Kuliah Tafsir Mempelajari Petunjuk Al-Qur'an di Masjid Kampung Lambak, Berakas.

Jabatan Pendidikan Teknik semarakkan sambutan Israk Mikraj

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 4 Julai. - Bahagian Pendidikan Lanjutan (BPL), Jabatan Pendidikan Teknik, Kementerian Pendidikan mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1434 Hijriah bersamaan 2013 Masihi di Dewan Persidangan Utama, Kementerian Pendidikan pada 28 Jun lalu.

Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya

Oleh : Siaran Akhbar Kementerian Pendidikan

Maharaja Lela Haji Yussof hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah diketuai oleh Imam Haji Md. Daud bin Haji Abdul Kadir, salah seorang tenaga pengajar Bahagian Pendidikan Lanjutan.

Majlis tersebut kemudian diserikan dengan ceramah khas daripada

penceramah Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Awang Muskrisman Safari bin Haji Mustapa.

Antara tujuan majlis diadakan ialah untuk menyemarakkan lagi sambutan Israk dan Mikraj pada tahun ini, di samping mengeratkan lagi silaturahim di kalangan warga Bahagian Pendidikan Lanjutan.

Israk Mikraj teladan, panduan kepada manusia

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim

TEMBURONG, Rabu, 3 Julai. - Allah Subhanahu Wata'ala menjadikan peristiwa Israk Mikraj sebagai teladan dan panduan kepada manusia.

Peristiwa itu berlaku apabila timbul di dalam hati Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang inginkan perubahan dan mencari kebenaran pada umatnya yang ketika itu mempunyai pergaulan dan sosial yang hancur.

Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong, Awang Eldi bin Haji Suhaili menyatakan demikian semasa menyampaikan ceramah pada Sambutan Israk Mikraj Persatuan Pengakap Daerah Temburong (PPDT), berlangsung di Dewan Bukit Retak, Pusat Belia, Pekan Bangar di sini.

Katanya, Allah Subhanahu Wata'ala suka kepada orang yang inginkan kemakmuran dan sebaliknya membenci orang yang suka merosakkan segalanya baik dari segi hati, hubungan, berpersatuan dan sebagainya.

Beliau menyarankan kepada ahli-



PEGAWAI Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid Daerah Temburong, Awang Eldi bin Haji Suhaili (tengah) ketika menyampaikan ceramah pada Sambutan Israk Mikraj bagi Persatuan Pengakap Daerah Temburong.

ahli PPDT agar memiliki sifat positif untuk mencapai kebaikan dan menjauhkan sikap negatif sebagaimana yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Terdahulu Pesuruhjaya Daerah PPDT, Awang Haji Abdul Rahman bin Merusin dalam ucapannya menyeru semua Pemimpin dan Penolong Pesuruhjaya PPDT supaya sama-sama menghasilkan buah fikiran dan menyumbangkan tenaga untuk memba-

ngun dan memajukan lagi PPDT.

Beliau juga berharap agar semangat kerjasama dalam kalangan ahli persatuan berkenaan akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa dalam menjalankan apa jua aktiviti persatuan itu.

Ceramah seumpama ini diharap akan menambah ilmu pengetahuan ahli-ahli Pengakap sekali gus menjadi panduan hidup seharian sehingga menjadi warga yang berguna kepada bangsa dan negara.

JPKK anjur sambutan keagamaan

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

LAMBK KANAN, Khamis, 4 Julai. - Dalam menghayati serta meneladani peristiwa agung Israk Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, pelbagai pihak di negara ini giat menganjurkan majlis-majlis keagamaan bagi memperingati peristiwa bersejarah tersebut.

Sehubungan itu, Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK), Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Keagamaan mengadakan Majlis Sambutan Awal Ramadan dan Israk Mikraj Jabatan Pendidikan Kokurikulum bagi 1434H/2013M yang berlangsung di ruang legar jabatan berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah JPKK, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar.

Majlis diserikan dengan ceramah awal Ramadan dan Israk Mikraj yang disampaikan oleh penceramah dari Pusat Dakwah Islamiah (PDI), Awang Haji Mohammad Nazir bin Haji Othman.

Dalam ceramah tersebut, penceramah PDI antaranya menjelaskan bahawa peristiwa agung Israk Mikraj itu berlaku pada 27 Rejab setahun sebelum hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ke Madinah Al-Munawwarah dan mencatatkan peristiwa penting dalam kerasulan Baginda.

Israk membawa pengertian perjalanan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada malam hari dengan menunggang

Burak bermula dari Masjidilharam di Makkah Al-Mukarramah ke Masjidilqas di Baitul Maqdis, Palestin, manakala Mikraj bermaksud naiknya Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ke langit dari Masjidilqas ke Sidratul Muntaha.

Selain itu, sepanjang perjalanan tersebut, Baginda juga melihat pelbagai peristiwa aneh antaranya balasan-balasan bagi mereka yang meninggalkan solat, melakukan zina serta yang tidak mengeluarkan zakat di jalan Allah.

Sementara itu, majlis diteruskan dengan acara bertahlil serta bacaan doa yang dipimpin oleh Penolong Ketua Bahagian Keagamaan, JPKK, Pengiran Haji Hamzah bin Pengiran Haji Mohamad.

Majlis tersebut antara lain merupakan salah satu aktiviti tahunan JPKK dan diadakan untuk menghayati peristiwa perjalanan Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping memberikan pengetahuan bagi persiapan menghadapi bulan Ramadan, dan untuk memuliakan hari-hari kebesaran Islam serta mengimbitkan iktibar dan pengajaran daripadanya.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk mengeratkan tali silaturahim serta ukuwah sesama Islam dalam bersama-sama meraikan bulan Ramadan yang merupakan Rukun Islam ketiga.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan JPKK.



PEMANGKU Pengarah JPKK, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar semasa menghadiri Majlis Sambutan Awal Ramadan dan Israk Mikraj JPKK bagi 1434H/2013M.

Peraduan Mencipta Tema Sambutan Hari Kebangsaan NBD Ke-30

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 16 Julai. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan mengadakan Peraduan Mencipta Tema bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30, Tahun 2014.

Peraduan dibukakan kepada semua rakyat dan penduduk tetap di Negara Brunei Darussalam.

Borang dan syarat-syarat penyertaan boleh diperolehi

daripada Urus Setia (Peraduan Mencipta Tema), Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-30, 2014, Aras Bawah (Basement), Bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan.

Tarikh tutup mengembalikan borang penyertaan ialah pada hari Isnin, 29 Julai 2013, pukul 12.00 tengah hari.

Pemenang pencipta tema akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND2,000.

BRO kembangkan kreativiti, kemahiran teknologi pelajar

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

GADONG, Rabu, 3 Julai. - Seramai 114 penuntut dari 21 buah sekolah menengah dan tujuh buah sekolah rendah di seluruh negara menyertai Brunei Robotics Olympiad (BRO) 2013 - (LEGO Mindstorms Robotic Technology Competitions) yang dikendalikan oleh Pusat Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEPS) Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Pentagram Design Sdn Bhd.

Pertandingan selama dua hari berlangsung di Pusat Tingkatan Enam Katok, di sini, telah dibahagikan kategori biasa (Regular Category) iaitu Kategori Batik Challenge, Kategori 'Bobobudur Challenge' dan Kategori 'Komodo Island Challenge'.

Manakala Kategori Terbuka (Open Category) akan diadakan pada 28 Ogos akan datang dan tema pertandingan pada tahun ini ialah 'World Heritage'.

Sebanyak sepuluh buah pasukan mengambil bahagian pada Kategori 'Batik Challenge' terdiri dari penyertaan penuntut Tahun 4, 5 dan 6. Manakala sebanyak 12 pasukan menyertai Kategori 'Bobobudur Challenge' terdiri dari penuntut Tahun 7, 8 dan 9, sementara sebanyak 16 pasukan terdiri dari penuntut Tahun 10, 11 dan Tingkatan 6 akan bertanding pada Kategori 'Komodo Island Challenge' pada hari berikutnya.

BRO adalah salah satu pertandingan kebangsaan yang diadakan setiap tahun oleh Pusat STEP sejak tahun 2004. Pertandingan tersebut menggunakan siri LEGO Mindstorms kit yang mengandungi perisian dan perkakas untuk mereka bentuk robot kecil yang dapat disesuaikan dan diprogramkan.

Kit berkenaan mengandungi komputer 'brick' yang telah diprogramkan bagi mengawal sistem, satu set sensor modular dan motor, serta bahagian-bahagian LEGO untuk mereka bentuk sistem mekanikal yang berfungsi mengikut cabaran persaingan

antarabangsa iaitu 'World Robotik Olympiad' (WRO).

Matlamat pertandingan adalah untuk mengembangkan kreativiti dan mengukuhkan kemahiran teknologi pelajar terutama dalam kehidupan abad ke-21 yang bersandar pada sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.

Selain itu, ia juga menawarkan peluang untuk meluaskan pemikiran mereka dengan memperkenalkan mereka pada dunia teknologi terkini.

Antara objektif pertandingan ialah untuk meningkatkan celik teknikal dan kemahiran pengaturcaraan komputer seorang pelajar dengan menggunakan program 'Brick' dan perisian 'Robo-lab/NXT' untuk membina pelbagai struktur mekanikal dan mempunyai peluang untuk mereka bentuk dan bereksperimen dengan struktur mereka sendiri.

Pelajar juga akan dapat belajar pelbagai proses reka bentuk dan strategi koperasi iaitu kemahiran menyelesaikan masalah melalui menganalisis, mengumpul maklumat masalah, mencadangkan penyelesaian alternatif, membuat pertimbangan dan keputusan, dan dalam masa tertentu merancang, menyusun, mencipta, menyampaikan idea dan menilai penyelesaian.

Melalui pertandingan itu akan membantu meningkatkan lagi motivasi dan membina kemahiran matematik para pelajar dalam mengadaptasi logik, dan meneroka prinsip-prinsip sains fizikal dalam ciptaan robotik mereka.

Salah satu misi Pusat STEP adalah untuk menggalakkan dan meningkatkan pembangunan teknologi melalui pelbagai aktiviti seperti menganjurkan pertandingan robot bagi sekolah-sekolah dan institusi-institusi yang lebih tinggi, melibatkan guru-guru serta para pelajar dalam pameran dan pertandingan robot antarabangsa, dan mengadakan bengkel dan latihan dengan kerjasama kerajaan dan agensi-agensi bukan kerajaan.

Menjana idea baru di bidang perniagaan



TIMBALAN Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim hadir di Majlis penutup dan penyampaian sijil Bengkel Perusahaan dan Pembangunan Keusahawanan Belia Kebangsaan dan Bengkel Latihan Jurulatih Mengenai Perusahaan dan Pembangunan Keusahawanan Belia anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Hj Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 Julai. - Bengkel Perusahaan dan Pembangunan Keusahawanan Belia Kebangsaan dan Bengkel Latihan Jurulatih Mengenai Perusahaan dan Pembangunan Keusahawanan Belia anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) diakhiri dengan majlis penutup dan penyampaian sijil bertempat di Mangrove Paradise Resort, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis iaitu Timbalan Setiausaha Tetap di Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim.

Bengkel yang bermula dari 25 Jun 2013 selama tujuh hari itu disertai oleh seramai 30 pakar-pakar tempatan, jurulatih, pengamal, para guru dan perwakilan dari organisasi bukan kerajaan (NGO) serta wakil kerajaan yang terlibat dalam menggalakkan bidang perusahaan.

Bengkel diselenggarakan oleh Encik Muhd. Aminul Islam Khan dan

Dr. MMP Akhouri serta beberapa penceramah yang dijemput khas.

Objektif bengkel antaranya ialah pembangunan kapasiti dan keupayaan para tenaga pengajar, para pengamal, organisasi latihan dan pihak berkepentingan yang lain yang bertanggungjawab untuk menjalankan latihan perusahaan serta mempermudahkan kerjasama teknikal dalam kalangan organisasi.

Program Belia Komanwel yang diperkenalkan semasa bengkel ini telah membangunkan manual bagi tenaga pengajar atau *trainers* dalam bidang perusahaan dan keusahawanan belia yang mana manual ini telah disediakan melalui satu proses yang direka dengan baik iaitu dengan mengambil kira dapatan dan rekomendasi dihasilkan di Mesyuarat Kumpulan Pakar.

Pada tahun 2012, manual rintis ini telah dicuba di India dan Bangladesh dan Zambia di Afrika pada tahun 2013

yang mana telah dihargai oleh tenaga pengajar, pekerja belia dan orang muda.

Pihak kerajaan, agensi-agensi sosial dan institusi-institusi latihan menunjukkan minat untuk menggunakan manual ini dengan sokongan teknikal dari Program Belia Komanwel.

Disebabkan kekurangan pengetahuan dan kesedaran mengenai peluang keusahawanan, motivasi dan kesiapsiagaan maka golongan muda lebih cenderung untuk mempercayai bahawa bekerja di sektor awam adalah satu-satunya cara untuk mendapatkan pekerjaan.

Selain itu, ramai golongan muda yang mungkin mempunyai kemahiran dan idea-idea perniagaan yang bijak, tidak berani untuk mengambil risiko untuk memulakan perusahaan mereka sendiri.

Dengan adanya bengkel seperti ini akan dapat memberikan peluang para peserta untuk berinteraksi dan menjana idea-idea baru yang akan menyumbang ke arah strategi yang lebih baik untuk memupuk semangat keusahawanan di negara ini.

Penyampaian sijil kursus 'City and Guilds' kepada 60 pelajar

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 8 Julai. - Seramai 60 pelajar telah berjaya menamatkan kursus 'City and Guilds, Level 2 IVQ Technician Certificate in Construction 6165' bagi pengambilan Januari 2012 menerima sijil-sijil mereka pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Sekolah Vokasional Nakhoda Ragam (SVNR).

Penyampaian sijil-sijil tersebut disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) di Kementerian Pendidikan, Awangku Abdullah bin Pengiran Haji Tengah selaku tetamu kehormat.

Ketua Bahagian Pendidikan Lanjutan (BPL), Dayang Hajah Erié binti Abdullah dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan, pada awalnya kursus tersebut memakan masa selama setahun tetapi setelah dirujuk kepada beberapa pihak tertentu, ia boleh dijalankan dalam tempoh enam bulan tanpa sebarang percanggahan.

"Maka pihak BPL mengambil inisiatif untuk mencuba menjalankan kursus ini cuma enam bulan pada tahun lepas dan keputusan pelajar-pelajar tidak mengecewakan malah membanggakan," jelasnya yang juga selaku Pengerusi Majlis.

Untuk menyokong inisiatif BPL itu, katanya, pada bulan Jun tahun lalu Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan telahpun mengesahkan bahawa kursus ini telah dibenarkan untuk dijalankan dalam tempoh enam bulan sahaja.

Tambahnya, pihak BPL dapat menjalankan setahun dua kali



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) di Kementerian Pendidikan, Awangku Abdullah bin Pengiran Haji Tengah menyampaikan sijil kepada seorang pelajar yang menamatkan kursus 'City and Guilds, Level 2 IVQ Technician Certificate in Construction 6165' bagi pengambilan Januari 2012.

pengambilan, bermakna semakin bertambahlah lagi tenaga kerja mahir orang kitani dan secara tidak langsung dapat membantu dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Pada majlis itu juga, tetamu kehormat telah menyampaikan

anugerah pelajar cemerlang kepada Pengiran Mohammad Yasrinal Eddy Abdullah bin Pengiran Haji Ya'akub.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Haji Mohamad Rudzaini bin Haji Mohamad.



ANTARA pasukan yang mengambil bahagian pada Pertandingan Brunei Robotics Olympiad (BRO) 2013 di Pusat Tingkatan Enam Katok.

Berangkat ke Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Julai. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan berangkat ke Majlis Bertahlil yang berlangsung di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia telah dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan dan Menteri Kewangan Kedua di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Majlis Bertahlil itu adalah bagi ayahanda dan bonda Kebawah DYMM, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan

Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit sebagai satu kegiatan tahunan bagi menyemarakkan bulan suci Ramadan dengan kegiatan yang mubarak yang penuh ganjaran pahala yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Mengepalai bacaan surah Al Faatihah ialah Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Ahli Jemaah Tadbir Yayasan yang juga mengetuai membaca Surah Yaa Siin, memimpin bacaan tahlil serta membaca doa tahlil dan doa selamat.

Lebih 50 orang yang terdiri daripada Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan, pegawai-pegawai dan kakitangan serta guru-guru Sekolah Yayasan hadir pada majlis itu yang termasuk juga sebahagian penduduk Rancangan Perumahan Kampung Bolkiah 'A' dan 'B' menghadiri majlis tersebut.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berkenan menjirur aying asah-asahan ke Makam Nininda YTM, di Kubah Makam Diraja.



Brunei lahirkan kebimbangan peningkatan 'hotspot'



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman hadir pada Mesyuarat Kelima Jawatankuasa Pemandu Peringkat Menteri Sub-Wilayah (MSC) Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan di Kuala Lumpur, Malaysia.

Dari muka 1

Republik Indonesia melaporkan bahawa kejadian siklon tropika juga boleh meningkatkan tahap jerebu asap merentasi sempadan.

Dengan keadaan semasa neutral (tidak El Niño atau La Niña) di jangka berterusan untuk sepanjang tahun 2013, negara-negara MSC bersetuju untuk terus berwaspada dan bersedia untuk sebarang kejadian jerebu merentasi sempadan dari kebakaran semasa tempoh cuaca kering dalam bulan akan datang.

Yang Berhormat menyatakan kebimbangan Negara Brunei Darussalam pada peningkatan ketara 'hotspot' di Sumatera dan Borneo, walaupun usaha-usaha serantau yang dilaksanakan oleh negara-negara MSC setakat ini.

Beliau berkata musim kemarau belum berakhir dan mencadangkan negara-negara MSC meningkatkan usaha untuk menangani masalah jerebu.

Menteri-menteri menyatakan betapa seriusnya keadaan jerebu yang teruk baru-baru ini merentasi sempadan justeru para menteri memuji Republik Singapura atas usaha-usaha mereka dalam pembangunan Sistem Pemantauan Jerebu Sub-Serantau ASEAN (HMS) seperti yang dipersetujui pada Mesyuarat MSC Ke-14.

Menteri-menteri juga mengakui bahawa HMS adalah alat yang berguna yang boleh membantu dalam tindakan penguatkuasaan pemantauan dan dalaman terhadap pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang menyumbang kepada kebakaran.

Sehubungan dengan itu, menteri-menteri bersetuju untuk mencadangkan mengamalkan HMS sebagai sistem pemantauan jerebu bersama di kalangan negara-negara MSC, dengan penggunaan digital peta tanah dan peta konsesi kawasan mudah terbakar yang menyebabkan jerebu merentasi sempadan dapat dikongsi bersama di antara kerajaan dengan

kerajaan dasar tertakluk kepada kelulusan Pemimpin ASEAN di Persidangan Pemimpin-Pemimpin ASEAN pada bulan Oktober 2013.

Menurut Siaran Akbar Kementerian Pembangunan, menteri-menteri menyatakan penghargaan atas usaha substantif oleh Indonesia dalam melaksanakan Pelan Tindakan (PoA) dalam Menangani Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan, terutamanya dalam menangani tanah baru-baru ini dan kebakaran hutan yang menyebabkan pencemaran jerebu merentasi sempadan.

Markas perintah telah ditubuhkan dan sumber dari pelbagai pihak berkepentingan, seperti tentera, polis dan pasukan bomba di bawah Kementerian Perhutanan, pasukan bomba, masyarakat, sektor swasta telah digerakkan. Tanah dan penindasan kebakaran udara, termasuk pengeboman air dan hujan tiruan, telah dijalankan. Penyertaan aktif masyarakat tempatan di dalam pencegahan dan pengurangan kebakaran turut diperolehi.

Penguatkuasaan undang-undang secara intensif telah dijalankan oleh pasukan petugas yang terdiri daripada polis kebangsaan dan tempatan, kementerian yang berkaitan dan penyiasat sivil.

Menteri-menteri juga menyatakan penghargaan atas usaha Republik Indonesia dalam memadam kebakaran dan usaha-usaha itu menunjukkan keupayaan negara berkenaan untuk mengurangkan kejadian kebakaran tersebut.

Walau bagaimanapun, menteri mengakui keperluan untuk sistem amaran awal yang lebih baik dan menjadi lebih bersedia untuk menjangka apa-apa kebakaran di masa depan, supaya tindakan segera boleh dijalankan sebelum api di luar kawalan.

Negara anggota MSC mengesahkan

tawaran bantuan mereka untuk kecemasan sekiranya keadaan memerlukan.

Menteri-menteri memuji komitmen Indonesia untuk mempercepatkan proses pengesahan Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan.

Satu bengkel ASEAN pada Sistem Penilaian Penambahbaikan Bahaya Kebakaran (FDRS) akan diadakan di Malaysia pada September 2013, yang bertujuan untuk meningkatkan seluruh FDRS ASEAN yang kini dikendalikan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia, melalui latihan dan pembinaan keupayaan negara-negara anggota yang berkaitan untuk mengendalikan sistem di negara-negara masing-masing.

Menteri-menteri memberi panduan mengenai pelaksanaan Program Kajian Strategik Menteri Jawatankuasa Pemandu (MSC) dan Aktiviti Sub-Wilayah, yang meliputi jerebu meningkatkan pengurusan kawalan melalui amaran awal, pemantauan, pencegahan kebakaran dan pemadaman api, termasuk

perbaikan Sistem Penilaian Bahaya Kebakaran; mengadakan kursus-kursus latihan yang ditawarkan oleh negara-negara anggota di bawah Rangkaian Latihan Jerebu Serantau, dan organisasi dari Forum MSC.

Menteri-menteri juga menekankan pengurusan mapan kawasan terdedah terutamanya kebakaran tanah gambut kekal menjadi keutamaan yang tinggi untuk pencegahan kebakaran dan jerebu asap, serta mengurangkan kesan perubahan iklim.

Menteri-menteri seterusnya menyokong cadangan pembangunan fasa kedua bagi pengurusan mapan tanah gambut membina pencapaian fasa semasa. Satu cadangan konsep akan dihuraikan pertimbangan oleh menteri-menteri pada mesyuarat yang akan datang Persidangan Pihak-pihak Kepada Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan.

Para menteri menyatakan penghargaan mereka kepada Kerajaan Malaysia kerana menganjurkan Mesyuarat MSC Ke-15 dan persiapan yang dibuat sangat baik dan layanan yang disediakan.

Bekalan telur ayam mencukupi pada musim perayaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Julai. - Sehingga bulan Jun 2013, pengeluaran telur di negara ini berjumlah 62.6 juta biji iaitu sebanyak 347,982 biji sehari.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, jabatan itu telah memberi kebenaran bagi import telur ayam sejak bulan Februari, 2013.

Setakat ini, sejumlah 1.2 juta biji telur ayam telah diimport dan dijangkakan sejumlah 1.8 juta biji akan didatangkan dalam masa yang terdekat dengan jumlah keseluruhan import dalam 3 bulan sebanyak 3 juta biji.

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan sentiasa memantau keadaan bekalan telur ayam di pasaran bagi memastikan bekalan mencukupi bagi musim perayaan ini.



دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.